

**AKAR GEOPOLITIK DALAM PENDEKATAN DASAR DAN STRATEGI MALAYSIA  
TERHADAP LAUT CHINA SELATAN**

**GEOPOLITICAL ROOTS OF MALAYSIA'S SOUTH CHINA SEA POLICY  
APPROACH AND STRATEGY**

**LAI Yew Meng**

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah  
Email: [lyewmeng@ums.edu.my](mailto:lyewmeng@ums.edu.my)

**Amy Azuan Abdullah**

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah  
Email: [amyaz\\_abd@ums.edu.my](mailto:amyaz_abd@ums.edu.my)

**Ismail Ali**

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah  
Email: [ismailrc@ums.edu.my](mailto:ismailrc@ums.edu.my)

Corresponding author: [\\*amyaz\\_abd@ums.edu.my](mailto:*amyaz_abd@ums.edu.my)

Dihantar: 8 Februari 2026/ Diterima: 2 Mac 2026/ Terbit: 30 Jun 2026

**Abstrak**

Makalah ini bertujuan mengenal pasti serta memahami akar geopolitik di sebalik pendekatan dasar dan strategi Malaysia dalam memajukan kepentingan negara di Laut China Selatan (LCS) sebagai sebuah "negara kecil" dalam konteks pertikaian kedaulatan mahupun persaingan strategik kuasa besar (Amerika Syarikat-China) yang semakin intensif di rantau Asia/Indo-Pasifik. Secara spesifik, ia meneliti keadaan sistemik dan dinamika yang cenderung mempengaruhi pendirian, tingkah laku serta keutamaan Malaysia, khususnya dalam mengurus kepentingan geopolitik dan ekonominya sebagai negara penuntut di wilayah maritim yang dipertikaikan tersebut. Makalah ini berhujah bahawa sebagai negara kecil yang terbabit dalam kancah pergolakan LCS, Malaysia cenderung berdepan dengan asimetri, persaingan dan ketidakpastian kuasa yang memerlukan pelaksanaan pendekatan/strategi *hedging* bagi membuka ruang strategik dan keluwesan dasar untuk negara mengemudi persekitaran geopolitik LCS yang semakin tidak menentu, kompleks dan samar-samar. Ini termasuk pengaplikasian kombinasi strategik instrumen *hedging* yang merangkumi elemen diplomasi, perundangan, ekonomi dan ketenteraan sebagai pendekatan pragmatis lagi berkesan dalam menjamin kelangsungan serta kepentingan nasionalnya.

**Kata Kunci:** Malaysia, pertikaian Laut China Selatan, geopolitik, persaingan kuasa besar, *hedging*.

## Pengenalan

Isu tuntutan kedaulatan bertindih dan pertikaian hak milik wilayah di Laut China Selatan (LCS) membabitkan negara-negara pesisir yang bersempadankan badan air yang bersifat separa tertutup (*semi-enclosed sea*) di rantau maritim Asia Tenggara ini didapati semakin rancak sejak sedasawarsa yang lalu. Sebagai salah sebuah negara penuntut di LCS, Malaysia juga tidak terlepas daripada menghadapi kancah pergolakan dan ketegangan yang dimanifestasikan oleh tindak-tanduk negara-negara penuntut lain. Ini kerana tingkah laku asertif dan/atau tindakan unilateral yang diambil oleh mana-mana negara penuntut demi memperkukuhkan tuntutan kedaulatan mereka di wilayah yang dipertikaikan pasti menimbulkan 'kitaran tindakan-reaksi' (*action-reaction cycle*) melibatkan negara penuntut lain termasuk Republik Rakyat China, selain berkecenderungan mencetuskan campur tangan Amerika Syarikat bersama negara-negara sekutu (*allies/like-minded countries*) sebagai sebahagian daripada percaturan politik kuasa dan dimensi persaingan strategik kuasa besar (*great power politics and rivalry*) untuk memperluaskan "sfera pengaruh" geopolitik masing-masing.

Sesungguhnya, LCS menjadi semakin "bergelora" susulan tingkah laku dan tindakan China yang dipersepsikan kian tegas lagi asertif sebagai negara kuasa besar yang menuntut lebih daripada 90 peratus fitur geografi dan perairan laut terbabit bersandarkan peta kontroversi *nine-dash line* yang kini telah bertukar wajah menjadi peta *ten-dash line* sejak tahun 2023 (US EIA, 2024). Dakwaan "membuli" melalui tindakan ketenteraan laut dan amalan taktik "zon kelabu" berlapis (*multilayered grey-zone tactics*) secara intensif – penggunaan undang-undang sebagai instrumen strategik atau *lawfare*, gangguan udara dan maritim, perang kognitif serta penyebaran maklumat palsu (*disinformation*) di samping perang siber dan pengintipan terhadap negara-negara penuntut lain – selain pelbagai inisiatif geo-strategik bagi memperkukuh cengkaman China ke atas LCS, kini seolah-olah menjadi suatu kelaziman baharu. Dalam pada itu, perhitungan geopolitik A di LCS turut menyaksikan Washington mempergiatkan operasi kebebasan pelayaran (*freedom of navigation operations-FONOPs*) selain pemerksaan kerjasama ketenteraan bersifat dua-hala (*bilateral*) dan *minilateral* dengan negara-negara sekutu serantau (Jepun, Australia dan Filipina) sebagai sebahagian daripada strategi komprehensif bagi mengimbangi kebangkitan China dalam 'perang dingin baharu' yang sudahpun menjadi realiti. Ibaratkan abu yang membara, LCS ternyata muncul sebagai salah satu titik nyala ketenteraan (*military flashpoint*) yang paling mudah tercetus serta gelanggang persaingan adikuasa pada abad ke-21 (Lai & Kuik, 2021; Kuik & Lai, 2025).

Di sebalik ketidaktentuan dan kesamaran geopolitik akibat perubahan dinamika kuasa dan persaingan strategik yang semakin intensif di rantau Asia/Indo-Pasifik, "negara-negara kecil" (*smaller-states*) seperti Malaysia berdepan dengan dilema yang membawa cabaran mahupun peluang dalam usaha memaksimumkan dan/atau menjamin kepentingan nasional masing-masing di LCS. Sejauh mana negara-negara penuntut 'kecil' yang terhad dari segi kuasa relatif ini mampu mengimbangi cabaran tersebut, sambil secara serentak memanfaatkan peluang yang

dibawa oleh suasana persekitaran geopolitik sedemikian amat bergantung pada persepsi serta perkiraan mereka terhadap dinamika luaran dan domestik, serta interaksi antara kedua-duanya, yang mempengaruhi dasar LCS masing-masing.

Oleh yang demikian, makalah ini bertujuan mengenal pasti dan memahami akar geopolitik di sebalik dasar Malaysia terhadap LCS sebagai sebuah negara penuntut yang "lebih kecil" dalam konteks persaingan dan persetujuan strategik Amerika Syarikat-China yang kian intensif lagi menyeluruh di rantau Asia/Indo-Pasifik. Secara spesifik, ia meneliti keadaan sistemik dan dinamika yang cenderung mempengaruhi tingkah laku pendirian, tingkah laku serta keutamaan Malaysia, khususnya dalam mengurus kepentingan geopolitik dan ekonominya di wilayah maritim yang dipertikaikan tersebut.

Pada asasnya, kajian bermula dengan menganalisis kecenderungan baharu dan perubahan dinamika geopolitik di LCS yang dibentuk oleh persaingan Amerika Syarikat-China yang semakin meningkat. Perkembangan ini boleh diujahkan sebagai faktor yang menentukan parameter, cakupan dan cita-cita dasar Malaysia terhadap LCS, sebagaimana yang ditanggapi oleh elit/kepimpinan negara. Hal ini termasuk pemahaman terhadap "dua papan catur" (*twin chessboards*) geopolitik Asia/Indo-Pasifik (Kuik, 2021), iaitu keselamatan maritim serta kesalinghubungan dan kerjasama maritim, yang boleh menjadi agenda yang saling melengkapi atau saling bercanggah dalam perhitungan strategik serantau kuasa-kuasa yang bersaing. Pemahaman strategik tentang permainan yang sedang berlangsung di atas "papan-papan catur" tersebut mampu membantu kuasa pertengahan dan negara kecil seperti Malaysia menilai sejauh mana LCS cenderung menjadi "laut konflik dan/atau laut kerjasama" (*sea of conflict and/or sea of cooperation*) (Lai, 2017), serta penentuan pendekatan dan strategi dasar luar/pertahanan yang optimum bagi merealisasikan kepentingan negara di LCS.

Kajian diteruskan dengan menganalisis kepentingan LCS kepada Malaysia, khususnya dalam ranah kedaulatan, keselamatan dan ekonomi, serta bagaimana kepentingan-kepentingan tersebut secara serentak memaklumkan dan membentuk tingkah laku serta keutamaan tindakan Malaysia. Dengan berbuat demikian, makalah ini menghuraikan evolusi dasar Malaysia terhadap LCS dalam konteks perubahan geopolitik tersebut, melalui penelitian terhadap pelbagai instrumen dasar luar yang dimiliki Malaysia bagi memajukan kepentingan negara di rantau maritim yang diselubungi konflik dan ketegangan ini.

### **Kecenderungan Geopolitik dan Perubahan Dinamika di Laut China Selatan**

Seperti negara-negara kecil yang lain, usaha Malaysia memajukan kepentingannya cenderung dibatasi oleh perkembangan geopolitik yang melibatkan interaksi dan percaturan kuasa-kuasa besar, yang mana hala tuju perkembangannya sukar dipengaruhi oleh pelaku-negara yang lebih lemah kuasa relatifnya dari sudutimbangan kuasa. Dinamika geopolitik pada asasnya berkisar tentang kuasa. Dalam konteks LCS, dinamika ini boleh ditelusuri berdasarkan tiga elemen kuasa, iaitu asimetri, persaingan dan ketidakpastian kuasa (Lai & Kuik, 2021).

Menurut Lai dan Kuik (2021), gabungan elemen geopolitik ini membentuk keadaan struktur yang dihadapi oleh Malaysia dan negara-negara kecil yang lain, termasuk negara penuntut dan bukan penuntut LCS. 'Asimetri kuasa' merujuk kepada

jurang keupayaan yang besar antara sesebuah negara kecil dengan kuasa besar yang bersaing, yang boleh memudaratkan mahupun membantu negara yang lebih lemah dalam pelbagai cara (Ba, 2009; Womack, 2016). 'Persaingan kuasa' pula merujuk kepada persaingan sengit yang bersifat kitaran antara kuasa-kuasa yang berseteru, dan ia sering kali turut melibatkan negara sekutu/pakatan serta rakan masing-masing. Manakala 'ketidakpastian kuasa' merujuk kepada hubungan kuasa serta tindak-tanduk dan reaksi balas yang sukar diramal antara kuasa dan blok yang bersaing. Dalam konteks pertikaian LCS, ketidakpastian dimanifestasikan dalam pelbagai bentuk, terutama ketidakpastian komitmen keselamatan Amerika Syarikat terhadap Asia, ketidakpastian niat jangka panjang China, dan ketidakpastian hubungan Amerika Syarikat-China. Secara bersama, elemen-elemen geopolitik ini menimbulkan risiko struktur kepada semua negara yang lebih lemah, khususnya negara penuntut seperti Malaysia. Risiko-risiko tersebut ialah bahaya ketundukan, pemerangkapan dan pengabaian (Lai & Kuik, 2021; Lai, Kuik & Abdullah, 2021).

Pada hakikatnya, asimetri kuasa dan persaingan kuasa merupakan ciri geopolitik yang berterusan di Asia Tenggara terutama sekali apabila membabitkan rantau maritimnya. Ini disebabkan atribut dan lokasi geografi serta peranan Asia Tenggara maritim yang strategik dalam konteks percaturan ekonomi, politik dan ketenteraan kuasa-kuasa besar/serantau sejak zaman lampau. Walau bagaimanapun, para pemerhati geopolitik bersependapat bahawa interaksi kuasa-kuasa besar/serantau sepanjang sedekad lebih yang lalu telah meningkatkan ketidakpastian kuasa ke tahap dan cakupan yang belum pernah berlaku sebelum ini (Allison 2017; Fravel 2017). Perkembangan geopolitik sedemikian telah menggandakan setiap risiko struktur kepada semua negara yang lebih lemah di rantau ini, termasuk Malaysia.

Pada pandangan elit pemerintah Malaysia, perkembangan serantau sepanjang sedekad lalu telah mengubah sifat isu LCS daripada pertikaian wilayah yang melibatkan pelbagai negara penuntut menjadi suatu pergolakan yang jauh lebih serius, yakni persaingan dan perebutan sfera pengaruh antara kuasa-kuasa besar di Asia, dalam mana China dan Amerika Syarikat menjadi protagonis kuasa yang bersaing. Persepsi terhadap perubahan realiti serantau ini jelas tercermin dalam kenyataan media secara berkala oleh elit militer dan pemerintah negara mahupun penekanan rasmi dalam Kertas Putih Pertahanan (KPP) Malaysia (2020: 21) yang berkaitan dengan peri pentingnya jaminan kebebasan LCS dan Selat Melaka daripada belunggu kawalan dan permainan kuasa besar serta pendirian Malaysia yang kekal berkecuali dalam persaingan kuasa yang kian intensif tersebut (*Asia News Network*, 2019; Hussein, 2026).

Natijahnya, sebagai kuasa besar, kedua-dua China dan Amerika Syarikat cenderung bertindak secara unilateral baik di LCS mahupun di mana-mana persada/arena geopolitik kerana mereka mampu berbuat demikian. Malahan, amalan realpolitik "*might makes right*" kuasa besar yang laizm meminggirkan keabsahan institusi perundangan, norma dan peraturan sudahpun menjadi realiti dalam kancah orde antarabangsa semasa yang semakin bergolak, *fragmented*, dan tidak menentu. Namun, disebabkan struktur kuasa yang asimetrik, negara-negara kecil seperti Malaysia tidak dapat menghalang mana-mana kuasa besar yang bersaing daripada memajukan kepentingan sempit masing-masing yang berasaskan logik "*might makes right*" tersebut.

Bukti asimetri kuasa dan penigkatan persaingan di LCS adalah jelas. Sejak tahun 2008, China telah mengambil pendirian serta tindakan yang semakin tegas dengan tujuan mengubah *status quo* sedia ada serta hak maritim dan kawalan wilayah di LCS. Tindakan ini termasuk meningkatkan rondaan maritim, mengganggu operasi penerokaan hidrokarbon negara penuntut lain, menebusguna fitur bukan pulau untuk mendirikan "pulau buatan" dan menempatkan aset ketenteraan di kawasan yang dipertikaikan, selain meningkatkan pelbagai aktiviti "zon kelabu" (Fravel, 2017). Sementara Amerika Syarikat pula sejak tahun 2010 telah menggantikan pendekatan lamanya yang bersifat 'lepas tangan' (Alagappa 1989), serta 'berkecuali dan berdiam diri' (Mauzy & Job 2007: 625), dengan penglibatan langsung dan aktif di LCS. Sebagai komponen utama strategi 'pivot' dan 'pengimbangan semula ke Asia' di bawah pentadbiran Barack Obama (Campbell, 2016), penglibatan aktif di LCS dimanifestasi dalam bentuk aktiviti FONOPs (Christensen, 2015: 315–316), pemulihan dan pemerksaan hubungan sekutu dan pakatan tentera Amerika Syarikat di Asia (Jepun, Korea Selatan, Filipina), pemacuan gagasan *minilateral* berorientasikan keselamatan seperti Dialog Keselamatan Kuadrilateral (Quads) (melibatkan Amerika Syarikat, Australia, Jepun dan India) dan AUKUS (Australia, United Kingdom, dan Amerika Syarikat), serta pengumuman strategi Indo-Pasifik (Medcalf, 2014; Koga, 2020). Malah, pengumuman rasmi pentadbiran Trump pada Julai 2020 telah membawa titik tolak baharu dalam dasar Amerika terhadap LCS yang berubah daripada kedudukan asal bersifat berkecuali berhubung tuntutan kedaulatan kepada pendirian tegas lagi terbuka yang menyifatkan tuntutan maritim China sebagai salah di sisi undang-undang antarabangsa. Pendirian dan tindakan Washington bukan sahaja berterusan tetapi menjadi kian intensif di bawah pentadbiran Biden dan Trump 2.0. Dampak perkembangan sedemikian terhadap persekitaran geopolitik LCS adalah tiga serangkai: i) ia menambahkan bilangan pemain kuasa dalam pertikaian LCS yang sudah pun penuh sesak; ii) ia menaikkan pertaruhan geopolitik bagi semua negara penuntut mahupun kuasa-kuasa luar yang campur tangan di LCS; dan iii) ia memperhebatkan ketidakpastian kuasa (Lai & Kuik, 2021).

Pada lumrahnya, ketidakpastian kuasa bukanlah perkara baharu dalam hubungan Amerika Syarikat-China. Namun, di bawah Presiden Donald Trump dan Xi Jinping, interaksi Amerika Syarikat-China telah meningkatkan ketidakpastian dalam hubungan dua-hala dan tatanan/ aturan antarabangsa dalam pelbagai cara. Di bawah Trump, Amerika Syarikat menarik diri daripada pelbagai susunan *multilateral* dan mempersoalkan nilai pakatan yang telah terjalin selama beberapa dekad, sekali gus menimbulkan keraguan terhadap komitmen Washington kepada tanggungjawab global dan keselamatan serantau. Sementara China di bawah Xi telah meningkatkan ketegasan maritimnya dan mencetuskan kebimbangan serantau tentang niat jangka panjang Beijing di Asia mahupun di luar rantau ini. Ketidakpastian ini dimudaratkan lagi oleh peningkatan elemen tidak terjangka dalam hubungan Amerika Syarikat-China. Ketegangan maritim yang semakin meningkat, perang perdagangan/tarif serta momentum ke arah pemisahan rantaian ekonomi dan bekalan melalui strategi *decoupling*, *derisking* dan *friend-shoring*, selain persaingan intensif lagi menyeluruh dalam hampir kesemua dimensi kuasa (ekonomi, ketenteraan, teknologi, kecerdasan buatan, dan sebagainya) bukan sahaja menandakan jurang kepentingan yang melebar, tetapi juga peningkatan ketegangan, konfrontasi dan ketidakpastian antara Amerika Syarikat dengan China.

Perubahan struktur antarabangsa secara mendadak dan tidak menentu ini telah mendatangkan beberapa implikasi. Pertama, ketidakterdugaan Trump dan ketegasan Xi semakin mendorong sekutu dan rakan Amerika Syarikat di seluruh Asia untuk menilai semula pandangan luar mereka. Mereka terpaksa menyesuaikan diri dengan "kebiasaan strategik baharu" berupa Amerika yang kurang komited dan kurang boleh diharapkan sebagai faktor dalam percaturan strategi luar masing-masing. Penilaian semula bersifat fundamental ini mendorong banyak negara meninjau semula pilihan mereka dan meneroka pelbagai perancangan alternatif/pelan kontingensi untuk melindungi kepentingan masing-masing dalam keadaan ketidakpastian yang mendalam ini. Antara usaha termasuk mempelbagaikan hubungan dan kerjasama yang merentasi kibat blok kuasa melalui wadah berbentuk *minilateral* dan *multilateral* seperti Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dan pertubuhan BRICS (Brazil, Rusia, India, China, Afrika Selatan dan sebagainya).

Seterusnya, dunia sedang menyaksikan kemunculan "dua papan catur" geopolitik akibat perubahan dinamika struktur antarabangsa ini, iaitu persaingan kuasa dalam ranah politik tinggi (persenjataan, pertahanan, keselamatan maritim) dan ranah politik rendah (perdagangan dan rangkaian pengeluaran serantau, kerjasama kesihatan awam, pembinaan keterhubungan infrastruktur) (Kuik, 2021). Dalam hal ini, kepentingan yang semakin meningkat bagi papan catur kedua geopolitik Asia (ranah politik rendah) sudah tentunya membuka lebih banyak ruang mengemudi kepada aktivisme negara kecil seperti Malaysia. Ini kerana penekanan dan tumpuan kepada domain kurang sensitif cenderung mencetuskan kerjasama serantau substantif yang mampu meredakan ketegangan struktural di samping menyebarkan tekanan persaingan hegemoni dan mengelakkan polarisasi serantau mahupun *bifurcation* global. Malahan, kerjasama berbilang pemain dalam domain bukan ketenteraan ini berkemampuan menghasilkan kesan limpahan konkrit yang membantu merangsang pembangunan ekonomi dan pembinaan kapasiti negara-negara yang terlibat.

Ketiga, perkembangan struktural sedemikian rupa turut mendatangkan implikasi kepada pilihan dasar LCS dalam kalangan negara-negara kecil. Secara spesifik, ia mampu mengurangkan tetapi tidak semestinya menamatkan kemungkinan konfrontasi ketenteraan menyeluruh antara kuasa-kuasa yang bersaing. Di samping itu, ia menyediakan ruang, motivasi dan platform kepada negara-negara kecil untuk memperdalam pendekatan *hedging* yang telah lama mereka amalkan ketika berhadapan kuasa-kuasa yang bersaing, sama ada di laut mahupun di forum diplomatik (Chan, 2020; Mueller, 2020). Sebagai contoh, penglibatan dalam kerjasama kesaling-hubungan infrastruktur LCS melalui usaha nasional, bilateral, trilateral dan kuadrilateral dalam kalangan anggota Quad dan negara-negara sehaluan (misalnya negara-negara Kesatuan Eropah), telah menyediakan alternatif dan membuka ruang kepada negara-negara serantau yang lebih kecil untuk terus mengamalkan *hedging* serta menangani ketidakpastian yang menyelubungi persaingan Amerika Syarikat-China. Semakin banyak kuasa dan pemain melibatkan diri dalam papan catur kedua, semakin luas pilihan bagi negara-negara serantau yang bertekad untuk bergerak lincah, melindungi nilai dan mempelbagaikan hubungan pembangunan serta hubungan strategik mereka.

## **Kepentingan Malaysia di Laut China Selatan**

Sebagai sebuah negara pesisir yang bersempadankan badan-badan air serantau yang strategik dalam konteks percaturan geopolitik maritim Asia/Indo-Pasifik, Malaysia sememangnya cakna akan realiti geografi Laut China Selatan (LCS) sebagai salah satu kawasan "kepentingan teras" bagi menjamin kelangsungan dan kesejahteraan negara secara mampan. Secara spesifik, kepentingan Malaysia yang berkekalan di LCS boleh diklasifikasikan kepada dimensi geoekonomi, geopolitik dan geostrategik serta kedaulatan dan integriti wilayah.

### ***Kepentingan Geoekonomi***

Laut China Selatan (LCS) yang dianugerahi kekayaan biodiversiti serta lokasi geografi maritim yang strategik merupakan perairan penting lagi kritikal kepada kelangsungan ekonomi, keterjaminan sumber dan keterhubungan maritim negara kepulauan mahupun negara pesisir seperti Malaysia yang bersempadan dengannya.

Sesungguhnya, kekayaan sumber semulajadi sama ada dalam bentuk simpanan hidrokarbon mahupun sumber marin merupakan punca hakiki negara-negara pesisir dan kepulauan yang bersempadan dengan LCS berlumba-lumba untuk menuntut kedaulatan dan melaksanakan hak milik wilayah serta hak ekonomi ke atas fitur-fitur geografi dan zon maritim yang berkaitan. Perlumbaan dan perebutan wilayah LCS bermula rentetan daripada laporan Suruhanjaya Ekonomi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Asia dan Timur Jauh (UNECAFE) pada tahun 1969 yang meramalkan prospek rizab minyak dan gas asli yang besar di Laut China Timur dan LCS. Secara khusus, LCS dilaporkan memiliki anggaran sebanyak 23.5 bilion tong minyak dan 10,000 bilion meter padu gas asli, selain daripada hidrat gas (Hong, 2012: 75). Manakala anggaran lain pula menilai kawasan tersebut mengandungi simpanan antara 11 hingga 22 bilion tong minyak, dan antara 190 hingga 290 trilion kaki padu gas asli (*South China Morning Post (SCMP)*, 2020). Seperti yang dijangkakan, laporan dan ramalan sedemikian telah menjadikan fitur-fitur geografi di LCS berserta zon maritim yang terangkum begitu bernilai lagi strategik dalam agenda kemampuan pertumbuhan ekonomi, keterjaminan sumber dan kesejahteraan rakyat di negara-negara yang bergantung kepada wilayah maritim tersebut sebagai *lebensraum* (ruang hidup) (Lai, 2015).

Sebagai pengeluar minyak dan gas asli kedua terbesar di Asia Tenggara dan pengeksport gas asli cecair (LNG) ketiga terbesar di dunia, Malaysia memperolehi sebahagian besar sumber hidrokarbonnya dari LCS. Dengan sektor minyak dan gas menyumbang hampir satu pertiga daripada hasil tahunan negara (Parameswaran, 2015), adalah munasabah untuk menyimpulkan bahawa kemakmuran dan kesejahteraan Malaysia amat bergantung pada LCS.

Selain itu, LCS merupakan kawasan penangkapan ikan tradisional bagi nelayan dari kedua-dua daratan Malaysia yang menjadikan perairan ini sumber penting untuk kelangsungan ekonomi, pekerjaan dan keterjaminan makanan (Lai & Kuik, 2021). Dalam hal ini, fitur geografi maritim seperti Pulau Layang-Layang dan fitur-fitur luar pesisir di utara dan barat Sabah, serta Beting Patinggi Ali (South Luconia Shoals), Beting Raja Jarum (North Luconia Shoals), dan Beting Serupai (James Shoal) yang terletak kurang daripada 100 kilometer dari pantai Sarawak, sering dikunjungi oleh nelayan tempatan yang bergantung kepada ekosistem marin

ini untuk kelangsungan ekonomi mereka. Malah, perairan di sekitar Pulau Layang-Layang terkenal dengan kekayaan biodiversiti dan sumber marin, termasuklah spesie ikan tuna sirip kuning (*yellow-fin tuna*) (Lai, Kuik & Abdullah, 2021). Disebabkan oleh potensi ekonomi sedemikian, Jemaah Menteri Malaysia telah meluluskan inisiatif penangkapan ikan laut dalam pada tahun 1987 untuk memanfaatkan stok ikan di sekitar Pulau Layang-Layang (Yasin et al., 2020: 27). Pihak berkuasa Malaysia kemudiannya memperkenalkan permit untuk mengawal akses ke kawasan maritim yang berkaitan. Namun begitu, pencerobohan bot nelayan asing dari Vietnam, China, Indonesia dan Filipina yang terbabit dalam aktiviti penangkapan ikan secara haram (*Illegal, Unreported and Unregulated (IUU) fishing*) dilaporkan kerap berlaku dan menjadi realiti yang membimbangkan di zon maritim Malaysia di LCS sejak beberapa tahun kebelakangan ini.. Cabaran keselamatan yang nyata ini menuntut kerajaan Malaysia untuk mempertahankan kedaulatan wilayah dan kepentingan ekonominya di LCS, sambil pada masa yang sama mengekalkan hubungan dua hala yang stabil dengan negara-negara berkenaan.

Selain sumber hidrokarbon dan marin, potensi ekonomi biru LCS juga terserlah dalam sektor pelancongan, dalam mana fitur-fitur maritim dengan geotapak (*geo-site*) semula jadi dan persekitaran yang indah boleh dimanfaatkan dan dibangunkan sebagai tarikan pelancong untuk menjana pendapatan. Sebagai contoh, sejak awal 1990-an, Pulau Layang-Layang, dengan ekosistem marin dan kekayaan biodiversitinya, telah dibangunkan untuk menjadi resort menyelam skuba bertaraf dunia yang eksklusif. Bermula dengan penginapan gaya asrama yang sederhana pada tahun 1992, Layang-Layang Island Resort (LLIR) telah dinaik taraf dan diubah menjadi sebuah resort pulau eksklusif dengan 86 bilik yang bekemampuan mengakomodasi sehingga 160 tetamu (Rahman, Abdul Jalil & Yayanto, 2018). Bersama dengan hampir 400 buah pulau kecil di luar pesisir Sabah, pulau yang indah dan digelar oleh komuniti penyelam skuba sebagai "*Jewels of Borneo Banks*" ini telah memberi sumbangan besar dalam meningkatkan daya tarikan Sabah sebagai destinasi/hab pelancongan serantau yang popular (Lai, Kuik & Abdullah, 2021).

Sehubungan dengan kepentingan-kepentingan berorientasikan ekonomi tersebut, adalah amat penting bagi Malaysia untuk memastikan LCS kekal sebagai "laut kerjasama" dan bukannya "laut konflik" dalam konteks keamanan dan kestabilan serantau yang lebih meluas (Lai, 2017). Sebagai laluan air utama yang mengendalikan sepertiga daripada perdagangan maritim dunia setiap tahun, LCS ternyata merupakan talian hayat ekonomi yang mendorong keberlangsungan Malaysia sebagai negara perdagangan maritim (*maritime trading nation*) yang bergantung kepada keterbukaan akses dan kebebasan pelayaran untuk kesejahteraan ekonominya. Hal ini lebih ketara memandangkan perdagangan maritim menyumbang sebahagian besar daripada jumlah dagangan tahunan Malaysia, dengan LCS dan Selat Melaka berfungsi sebagai jalur perhubungan laut (*sea-lines of communication-SLOC*) dan laluan perdagangan maritim hakiki. Lebih-lebih lagi, dengan China dan negara-negara ASEAN sebagai rakan dagang Malaysia yang paling signifikan, hasrat memastikan LCS kekal aman, tenang dan stabil adalah sangat penting kepada kelestarian ekonomi Malaysia (Lai, 2017; Lai & Kuik, 2021; Lai, De Silva & Wang, 2023).

### ***Keputusan Geopolitik dan Geostrategik***

Kedudukan strategik di antara Lautan Hindi dan Lautan Pasifik menjadikan Malaysia sebuah negara maritim hakiki walaupun memiliki daratan yang menganjur dari tanah besar Asia. Realiti geografi ini diiktiraf dalam KPP Malaysia sulung yang mendefinisikan Malaysia sebagai "negara maritim dengan susur galur kebenuaan" (*maritime nation with continental roots*) (Kementerian Pertahanan Malaysia 2020; Lai & Kuik, 2021). Secara spesifik, identiti maritim Malaysia berpunca daripada atribut geografinya yang bersempadankan LCS dan Selat Melaka, serta Laut Sulu dan Laut Sulawesi, manakala identiti kebenuanya berasal daripada keterhubungan daratan di Semenanjung Malaysia dengan tanah besar Asia/Eurasia. Identiti "dualiti" sedemikian meletakkan Malaysia di tengah-tengah Asia Tenggara dan rantau Asia/Indo-Pasifik yang lebih luas, selain menghubungkan bahagian utara yang bersifat kebenuaan dengan kawasan maritim di selatan. Kedudukan geografi yang strategik ini menyokong dan mengekalkan aspirasi Malaysia untuk memainkan peranan sebagai 'jambatan penghubung' (*bridging linchpin*) antara dua wilayah lautan yang signifikan di dunia (Evers, 2019; Evers, Embong & Ramli, 2019; Kementerian Pertahanan Malaysia, 2020).

Pada hakikatnya, LCS amat signifikan dari segi kepentingan nasional Malaysia sebagai sebuah negara maritim. Ia adalah *fulcrum*/teras kepada integriti wilayah, hak kedaulatan, kepentingan pembangunan, serta identiti nasional dan serantau Malaysia (Noor, 2019; Lai, 2015; Lai & Kuik, 2021). Dalam konteks serantau, LCS dan perairan bersebelahan mempertemukan Malaysia dan negara-negara pesisir Asia Tenggara yang lain untuk memainkan peranan penting dalam menghubungkan Lautan Hindi dan Lautan Pasifik (Evers, Embong & Ramli 2019). LCS juga merupakan teras kepada identiti dan keutuhan nasional Malaysia kerana ia menghubungkan dua daratan negara yang terpisah, iaitu Semenanjung Malaysia dan wilayah Sabah dan Sarawak di pulau Borneo. Dari segi pembangunan, LCS dan Selat Melaka secara tradisinya menjadi sebahagian daripada jaringan perdagangan, pengangkutan, dan hubungan sosio-budaya Malaysia dengan Asia serta dunia luar. Dari perspektif sejarah, kedudukan geografi dan anugerah maritim yang berkaitan dengannya merupakan antara faktor utama yang membolehkan Kesultanan Melayu Melaka berfungsi sebagai entrepot penting serta titik utama keterhubungan perdagangan maritim antara Timur dan Barat pada abad ke-15. Kepentingan aset maritim ini adalah lebih menonjol pada masa kini memandangkan LCS dan Selat Melaka membentuk antara SLOC yang tersibuk di dunia, dengan perdagangan maritim bernilai trilion dolar melalui laluan ini setiap tahun (Hayton, 2014).

Sesungguhnya, kepentingan dan atribut sedemikian menjadikan Malaysia sebuah negara maritim sejati. KPP Malaysia 2020 menyatakan "Sebagai sebuah negara yang dikelilingi oleh laut dan bergantung padanya untuk kesejahteraan nasional, Malaysia ialah sebuah negara maritim mengikut semua takrifan" sambil menambah bahawa "laut, dasar laut, sambil menambah bahawa "laut, dasar laut, tanah bawah dasar laut, laluan air, ruang udara dan pelantar benua adalah penting kepada perdagangan dan komersial, perikanan marin dan sumber perikanan, kaedah pengangkutan, hubungan antara rakyat, serta bentuk-bentuk lain penciptaan kekayaan negara" (Kementerian Pertahanan Malaysia 2020: 29). Sarjana seperti Evers dan Karim (2011) yang mengenal pasti ciri geografi dan keadaan sosioekonomi yang saling berkaitan dalam menjadikan sebuah negara pesisir sebagai negara maritim, turut berpandangan sedemikian. Menurut mereka, Malaysia dikurniai atribut

geografi semula jadi (garis pantai yang panjang, pelabuhan semula jadi, dan sungai yang dalam, dan sebagainya) yang mengupayakan aktiviti sosioekonomi berasaskan laut, serta agensi dan pembangunan yang memanfaatkan potensi maritim dan keterhubungan laut negara, yakni potensi ekonomi biru. Negara Malaysia juga merangkumi dua wilayah daratan bersifat *non-contiguous* secara fizikal yang 'dipisahkan' oleh LCS, dengan jarak pemisahan paling sempit dan paling lebar kira-kira 600–1600 kilometer. Kedua-dua wilayah daratan ini mempunyai garis pantai Panjang, merentasi ribuan kilometer dari Laut Andaman di pantai barat laut Perlis hingga ke pesisir timur laut Kelantan di Semenanjung Malaysia yang bersempadan dengan LCS, serta beberapa ribu kilometer lagi di wilayah Borneo, dari pesisir LCS di Sarawak hingga ke garis pantai Timur Sabah yang bersebelahan dengan Laut Sulu dan Laut Sulawesi (Lai, 2015; Noor, 2019). Selain itu, sempadan maritim Malaysia merangkumi kira-kira 63 peratus daripada keseluruhan sempadan daratan dan kelautan negara, termasuk lanjutan pelantar benua kira-kira 480 ribu kilometer persegi sebagaimana ditakrifkan oleh peruntukan berkaitan Konvensyen Geneva 1958 mengenai Pelantar Benua dan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut (UNCLOS) 1982 (Evers, Embong, & Ramli 2019, 26; Noor, 2017; 2019). Dalam erti kata lain, Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat secara harfiah terdiri daripada lebih banyak wilayah air berbanding daratan.

Seyogianya, kawasan-kawasan maritim yang bersempadankan daratan Malaysia tersebut merupakan 'kepentingan teras' bagi negara, khususnya dalam konteks geopolitik dan keselamatan nasional (Kementerian Pertahanan Malaysia 2020: Bab 1-3). Sehubungan dengan itu, Malaysia sewajarnya meningkatkan usaha mempertahankan kepentingan maritimnya, sejajar dengan peningkatan kesedaran golongan elit pemerintah sejak beberapa dekad kebelakangan ini tentang pentingnya perairan yang terbabit kepada keselamatan, kedaulatan, dan kesejahteraan negara.

### ***Mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah***

Sebagai sebuah negara maritim, Malaysia menganggap bahagian selatan LCS dan perairan yang bersebelahan dengan daratannya sebagai mustahak kepada kepentingan nasional. Disebabkan atribut geografi Malaysia yang merangkumi dua wilayah daratan yang terpisah oleh LCS, usaha mempertahankan kepentingan nasional di fitur-fitur maritim hak milik Malaysia di LCS seperti Gugusan Semarang Peninjau (GSP) di Kepulauan Spratly dan zon maritim yang terangkum merupakan persoalan kedaulatan dan kelangsungan negara yang bersifat "harga mati" (Lai, 2015; Kementerian Pertahanan Malaysia, 2020). Dalam pada itu, KPP Malaysia mengenal pasti tiga "*concentric areas*" yang berkepentingan: 'kawasan teras' yang merangkumi daratan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, perairan wilayah (*territorial waters*), dan ruang udara di atasnya; 'kawasan lanjutan' yang merangkumi Zon Maritim Malaysia, laluan air strategik, ruang udara, dan jalur-jalur perhubungan kritikal (*critical lines of communication*), serta 'kawasan hadapan' (*forward area*) yang terletak di luar kawasan lanjutan tersebut (Kementerian Pertahanan Malaysia, 2020: 39).

Natijahnya, Malaysia sebagai negara pesisir memiliki atribut geografi yang menyokong kedaulatan dan hak milik yang sah terhadap laut wilayah (*territorial sea*) sejauh 12 batu nautika dari garis pangkal laut, Zon Ekonomi Eksklusif (*Exclusive Economic Zone- EEZ*), pelantar benua, dan pelantar benua lanjutan (*extended*

*continental shelf*) di bahagian selatan LCS, berdasarkan Konvensyen Geneva 1958 mengenai Pelantar Benua dan ketetapan UNCLOS 1982 (Roach, 2014). Malaysia juga menuntut kedaulatan dan hak milik ke atas Gugusan Semarang Peninjau (GSP), iaitu kira-kira sedozen fitur geografi insular termasuk pulau-pulau, terumbu karang, *low-tide elevation* (LTE), beting pasir dan fitur-fitur di bawah permukaan laut di gugusan kepulauan Spratly, dengan lima daripadanya kini diduduki dan diurus tadbir oleh Malaysia. Lima fitur tersebut ialah Pulau Layang-Layang (*Swallow Reef*), Terumbu Mantanani (*Mariveles Reef*), Terumbu Ubi (*Ardasier Reef*), Terumbu Siput (*Erica Reef*) dan Terumbu Peninjau (*Investigator Shoal*). Fitur terbesar adalah Pulau Layang-Layang, yang turut merupakan fitur ke-11 terbesar di gugusan Spratly, dan juga yang pertama diduduki oleh pihak berkuasa Malaysia pada tahun 1983. Dikategorikan sebagai 'pulau' (atol lautan), bahagian daratan Pulau Layang-Layang kini sebahagiannya telah ditebus guna. Malah, kerajaan Malaysia secara konsisten mentakrifkan Pulau Layang-Layang sebagai sebuah "pulau" dengan nama rasmi "Pulau Layang-Layang". Pulau ini menempatkan Stesen Luar Pantai (SLP) Tentera Laut DiRaja Malaysia (RMN Station Lima), kemudahan penyelidikan marin, sebuah resort menyelam/peranginan, dan landasan udara sepanjang 1.367 kilometer yang mampu mendaratkan pesawat pengangkut besar (Roach, 2014, 10; Rahman, Jalil & Yayanto, 2018).

Semua fitur Spratly tuntutan Malaysia turut dituntut dan direbut sebahagian atau sepenuhnya oleh lima negara yang lain, iaitu Republik Rakyat China, Taiwan, Vietnam, Filipina dan Brunei. China dan Taiwan menuntut keseluruhan gugusan kepulauan Spratly dan Paracel, termasuk semua fitur yang dituntut Malaysia yang berada dalam sempadan maritim "*nine-dash-line*" mereka yang meliputi lebih 90 peratus LCS. Vietnam juga menuntut keseluruhan Spratly dan Paracel, manakala Filipina membuat tuntutan bertindih ke atas lebih kurang 50 fitur geografi di LCS. Daripada kawasan yang dituntut oleh Malaysia, beberapa fitur telahpun diduduki oleh negara penuntut yang lain seperti Pulau Amboyna Kecil dan Terumbu Perahu yang dikuasai oleh Vietnam, manakala Terumbu Laksamana yang dikelolakan oleh Filipina.

Oleh yang demikian, pertikaian LCS bukan sekadar isu tuntutan bertindih dan pertikaian wilayah pelbagai pihak (*multilateral dispute*) tetapi turut bersifat multi-dimensi, kerana melibatkan tuntutan wilayah daratan dan tuntutan maritim yang bertindih. Walaupun saling berkaitan, pertikaian kedaulatan wilayah daratan yang membabitkan kepulauan Spratly dan Paracel serta fitur-fitur insular lain seperti Scarborough Shoal, Kepulauan Pratas dan Macclesfield Bank adalah berbeza dari sudut perundangan dan tidak seharusnya dicampuradukkan dengan pertikaian sempadan maritim LCS. Isu pertikaian Spratly dan Paracel pada dasarnya adalah berkaitan dengan tuntutan bertindih terhadap fitur-fitur luar pesisir oleh negara-negara penuntut mengikut tatakelola perundangan dan prinsip Undang-Undang Adat Antarabangsa (*Customary International Law*) mengenai pemerolehan dan kehilangan wilayah (*law on the acquisition and loss of territory*) (Beckman & Bernard, 2015). Sebaliknya, pertikaian sempadan maritim LCS merujuk kepada tuntutan bertindih berhubung yurisdiksi ke atas sempadan/zon maritim di LCS, yang terletak di bawah tatakelola UNCLOS. Natiujahnya, tiada peruntukan dalam rejim UNCLOS bagi menangani persoalan kedaulatan ke atas wilayah daratan dan fitur kelautan. Ini kerana kedaulatan sedemikian dianggap hakiki (nyata) dalam provisi/peruntukan yurisdiksi negara pesisir. Sebaliknya, UNCLOS menetapkan zon maritim yang boleh dituntut berdasarkan wilayah daratan, selain hak dan bidang kuasa negara-negara dalam zon-zon maritim tersebut (Beckman, 2013; Beckman & Bernard, 2015).

Seperti semua negara penuntut lain, pendapat awam dan hubungan kerajaan-masyarakat, antara faktor lain, merupakan dinamika domestik penting yang mendasari tuntutan kedaulatan Malaysia di LCS. Walau bagaimanapun, tidak seperti Vietnam dan Filipina yang mana perjuangan menegakkan kedaulatan wilayah mereka telah sekian lama dikaitkan dengan sentimen nasionalisme popular, rakyat Malaysia kurang dikenali dengan sikap dan tindakan nasionalistik tegar mereka terhadap pertikaian kedaulatan wilayah. Hal ini dapat dilihat melalui reaksi awam terhadap insiden lampau seperti pertikaian Sipadan-Ligitan dan Ambalat/Laut Sulawesi berbanding dengan rakyat Indonesia (Lai & Chrisnandi, 2025) serta tuntutan bertindih ke atas Batu Puteh/Pedra Branca yang melibatkan Singapura (Mohamad, 2009). Reaksi 'nasionalistik popular' yang kurang menonjol ini sebahagiannya berpunca daripada sifat proses pembentukan dasar luar dan dasar keselamatan Malaysia yang lazimnya berorientasi '*top-down*' dan elitis (Kuik, 2013), dan sebahagian lagi daripada inisiatif sengaja pihak berkuasa Malaysia dari semasa ke semasa untuk membantut kesedaran dan keterlihatan awam terhadap isu-isu nasionalistik sedemikian melalui kawalan/sekatan media, atau apa yang disebut sebagai *media blackout* (Lai, 2015; Noor, 2017). Amalan 'mengekanng-diri' ini merupakan antara ciri pendekatan *light-hedging* Malaysia, sebagaimana dihuraikan dalam bahagian yang seterusnya.

Walaupun terdapat inisiatif sedemikian, golongan elit pemerintah Malaysia tetap menganggap usaha pemeliharaan keutuhan wilayah Malaysia dan pencegahan pencerobohan asing ke dalam bahagian LCS milik Malaysia sebagai agenda keselamatan nasional dan integrasi nasional. Menurut Elina Noor (2017), pemisahan fizikal kedua-dua wilayah daratan Malaysia oleh LCS membawa beberapa implikasi penting dan praktikal bagi pertahanan dan penyatuan negara. Secara spesifik, ia memerlukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang sudah pun beroperasi dalam keadaan kekangan bajet untuk memperuntukkan sumber terbatas mereka dengan sewajarnya demi mempertahankan sempadan wilayah yang luas lagi *non-contiguous* daripada kedua-dua cabaran keselamatan tradisional dan bukan tradisional (Lai, 2015; Noor, 2017). Jurang antara Semenanjung Malaysia dengan Malaysia Borneo (Sabah-Sarawak) juga membawa cabaran besar kepada keselamatan negara dan perpaduan nasional, terutama sekali dari segi kesenjangan sosioekonomi antara wilayah dan ketidakseimbangan hubungan Persekutuan-Negeri. Justeru, usaha menjamin keselamatan dan ketenteraman LCS sebagai "jambatan strategik" yang membenarkan kelangsungan Persekutuan Malaysia' (Sebastian, 2020), terutamanya laluan laut dan ruang udara yang menghubungkan kedua-dua wilayah daratannya merupakan imperatif utama yang mendorong pendekatan pragmatik Malaysia dalam menangani pertikaian LCS (Lai & Kuik, 2021; Noor, 2017).

Fitur-fitur Spratly yang dituntut oleh Malaysia juga penting kerana nilai geostrategiknya yang tersendiri, terutama sekali peranan fitur-fitur tersebut sebagai pangkalan bagi *forward-deployment* aset-aset ketenteraan negara. Demi menzahirkan kepentingan strategik tersebut dan menguatkuasakan kedaulatan negara, Malaysia telah menubuhkan SLP TLDM di lima fitur yang didudukinya antara tahun 1983 dan 1999. Mereka adalah Stesen Lima di Pulau Layang-Layang, Stesen Mike di Terumbu Mantanani, Stesen Uniform di Terumbu Ubi, Stesen Papa di Terumbu Peninjau (Rahman, Abdul Jalil & Yayanto, 2018). Dari sudut pandang pertahanan maritim, lima SLP TLDM ini mampu berfungsi sebagai 'penampan strategik' (*strategic buffer*) untuk menghalang kemungkinan

serangan oleh pihak musuh yang menggunakan fitur-fitur maritim yang serupa sebagai platform untuk melancarkan strategi ofensif mereka (Sebastian, 2020).

### **Pendekatan Dasar dan Strategi Malaysia di Laut China Selatan**

Secara dasarnya, Malaysia sebagai negara kecil (*smaller-state*) melaksanakan pendekatan dan strategi dasar luar yang dikenali sebagai *hedging* dalam usaha memajukan kepentingan nasional di LCS yang bersifat dua serangkai iaitu mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah serta menjamin kemakmuran dan kesejahteraan negara. Pada umumnya, *hedging* dalam dasar luar didefinisikan sebagai tingkah laku mendapatkan jaminan, lindung nilai atau insuran (*insurance-seeking behaviour*) dalam suasana yang bersifat *high-stake* (penuh dengan cabaran dan risiko) dan diselubungi dengan ketidakpastian dan kesamaran (Lai & Kuik, 2021; 2025). Dalam konteks hubungan antarabangsa, amnya, dan dasar Malaysia terhadap LCS, khususnya, pendekatan *hedging* bersandar kepada tiga (3) atribut iaitu;

- i. Pendirian tegas tidak mengambil pihak (*an insistence on not taking sides*);
- ii. Percubaan mengambil tindakan yang kelihatan bercanggah seperti penentangan/ penginekaran dan penerimaan/pematuhan terpilih secara serentak apabila berhadapan dengan kuasa-kuasa besar dan/atau negara penuntut yang bersaing (*attempts to pursue opposing measures such as the concurrent adoptions of selective defiance and deference vis-à-vis competing powers and/or other claimant-states*); dan
- iii. Diversifikasi untuk membuka ruang dan peluang sandaran (*diversification to cultivate a fallback position*)

(Kuik, 2008; Lai & Kuik, 2021).

Perlu ditekankan di sini bahawa atribut pertama "tidak mengambil pihak" (*not taking sides*) tidak membawa maksud sikap "neutraliti" atau "berkecuali" dalam erti kata yang tegar. Sebaliknya, prinsip "tidak mengambil pihak" dalam *hedging* membawa erti "neutraliti yang bersifat aktif" (*active neutrality*) dalam mana negara kecil atau kuasa pertengahan yang mengamalkan dasar *hedging* cenderung melibatkan diri secara bebas dan aktif dalam hubungan mahupun kerjasama dengan kuasa-kuasa yang bersaing di dalam pelbagai domain interaksi tanpa "memihak" secara formal kepada mana-mana kuasa spesifik melalui ikatan selaku negara sekutu/pakatan (khususnya dalam dimensi ketenteraan) (Lai & Kuik, 2021; Lai & Kuik, 2025; Hussein, 2026).

Di dalam persekitaran geopolitik antarabangsa serantau yang rancak berubah dan bersifat VUCA (*volatile, uncertain, complex, ambiguous*) ataupun suasana yang tidak menentu dan diwarnai oleh ketidakpastian, kerumitan dan kesamaran akibat percaturan dinamika struktural seperti "kuasa" (yang ditafsirkan dalam bentuk asimetri kuasa, persaingan kuasa dan ketidakpastian kuasa) dan "kedekatan geografi" (Kuik, 2013; Lai & Kuik, 2021; Lai & Moorthy, 2022), negara-negara khususnya dalam kategori "negara kecil" dianggap memiliki kecenderungan tinggi untuk mengamalkan *hedging*, terutama sekali dalam konteks hubungan dengan negara-negara yang "lebih berkuasa" ataupun negara kuasa besar (*big/great powers*). Tingkah laku sedemikian lazimnya digerakkan oleh matlamat utama pelakunya untuk menjamin kelangsungan dan kesejahteraan nasional (*national survival and wellbeing*) di dalam sistem antarabangsa anarki yang memerlukan negara kecil mahupun negara kuasa pertengahan mengamalkan sikap neutraliti serta prinsip

*equidistance* (Kuik, 2024), selain mengambil tindakan yang bersifat penentangan/pengingkaran (*defiance*) dan penerimaan atau pematuhan (*deference*) secara serentak pada waktu yang sama serta mempelbagaikan kerjasama/kesepakatan dengan negara-negara lain melalui mekanisme bercorak bilateralisme, multilateralisme dan minilateralisme bagi mengimbangi pelbagai risiko (*offset multiple risks*) yang berpunca daripada ketidakpastian dalam interaksi mereka dengan sesebuah mahupun pelbagai negara kuasa besar selain kesamaran niat, hasrat dan cita-cita negara sedemikian.

Sesungguhnya, *hedging* merupakan pendekatan dan strategi dasar luar bersifat pragmatis dan sementara yang dilaksanakan dengan matlamat mewujudkan ruang strategik serta keluwesan dasar bagi membolehkan Malaysia sebagai negara kecil menangani cabaran mahupun meraikan peluang di sebalik ketidakpastian dan kesamaran persekitaran geopolitik LCS yang berpunca daripada asimetri kuasa, persaingan kuasa dan ketidakpastian kuasa. Ini kerana isu LCS kini bukan hanya sekadar suatu isu pertikaian wilayah dan tuntutan bertindih dalam kalangan negara penuntut, tetapi telah bertukar wajah menjadi suatu manifestasi persaingan kuasa besar/adikuasa untuk perluasan pengaruh di Asia/Indo-Pasifik, dalam mana Amerika Syarikat dan China menjadi pelaku dan seteru utama.

Secara spesifik, Malaysia mengamalkan pendekatan *light-hedging* yang jelas dimanifestasikan dalam respon Putrajaya yang konsisten lagi pragmatis terhadap pelbagai episod pertikaian wilayah dan tuntutan bertindih di LCS. Perbezaan kualitatif di antara *light-hedging* dan *heavy-hedging* adalah di mana negara yang mengamalkan *light-hedging* cenderung mengambil tindakan serentak dalam kombinasi yang bersifat penerimaan/pematuhan terbuka (*open deference*) dan penentangan/pengingkaran terpilih (*selective defiance*) ketika berhadapan dengan negara penuntut yang lebih gagah kedudukan kuasa relatifnya. Sementara, negara yang mengamalkan *heavy-hedging* pula cenderung mengambil kombinasi yang sebaliknya, yakni *open defiance* dan *selective deference* (Lai & Kuik, 2021; Lai, Kuik & Abdullah, 2021). Pendekatan *light-hedging* pada dasarnya berupa pendekatan bercorak *non-confrontational*, berprofil rendah, dan kelihatan bercanggah/bertentangan di mana sebuah negara yang lebih 'lemah' (kedudukan kuasa relatif) berharap untuk mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah serta melindungi kepentingan ekonominya sambil mengimbangi pelbagai risiko dalam persekitaran geopolitik yang kian tidak menentu dan samar-samar.

Pendekatan Malaysia di LCS sememangnya *hedging* kerana Malaysia berkeras untuk tidak memihak kepada mana-mana kuasa yang bersaing yakni China dan Amerika Syarikat, sambil meneruskan langkah-langkah yang bersifat pematuhan (*deference*) dan pengingkaran (*defiance*) secara serentak, di samping mempelbagaikan hubungan kerjasama dengan pelbagai negara (seperti Jepun dan Australia) bagi memastikan pilihan strategiknya sentiasa terbuka dan luwes (Kuik, 2008; 2013; Lai & Kuik 2021). Ia turut ditafsirkan sebagai *light-hedging* kerana, tidak seperti negara *heavy-hedging* yang memilih untuk mengingkari malah berkonfrontasi dengan China secara terbuka/ asertif (*open defiance*) (contohnya Filipina), pendekatan Malaysia dicerminkan oleh kombinasi tindakan senyap (*quiet action*), pengingkaran secara tidak langsung (*indirect defiance*), dan pematuhan terbuka (*open deference*) vis-à-vis China dalam dimensi perhubungan yang lain. Para pemerhati serantau telah mewujudkan pelbagai istilah dalam percubaan mendeskripsikan pendekatan Malaysia tersebut, seperti *playing-it-safe*

(Parameswaran, 2015), *low-key* (Noor, 2019), *mousedeer diplomacy*, *smart accommodation* (Milner 2017; 2020), *selective alignment* dan *strategic ambiguity* (Leong, 2017; 2020), antara lain.

Berhadapan dengan persekitaran geopolitik VUCA, Malaysia telah memperdalamkan pendekatan pragmatik ini dalam mengurus isu pertikaian LCS. Bahawasanya pendekatan *light-hedging* Malaysia didapati semakin mendalam sejak beberapa tahun kebelakangan berdasarkan tanda-tanda peningkatan tingkah laku yang kelihatan bertentangan/bercanggah: Malaysia secara senyap mengambil langkah kontingensi dan mempamerkan pengingkaran secara tidak langsung (*indirect defiance*), sambil secara serentak mengamalkan *deference* ketika berdepan dengan China dan Amerika Syarikat di LCS. Tindakan '*quiet action*', *indirect defiance*, dan *selective deference* oleh negara berkedudukan kuasa relatif yang lebih 'lemah' (*weaker state*) seperti Malaysia melibatkan gabungan pengaplikasian instrumen pertahanan, undang-undang, diplomatik, dan pembangunan. Ini termasuk kerjasama pertahanan dan keselamatan yang serentak dengan pelbagai kuasa (Ahmad, 2011; Hamzah, 2020); penggunaan undang-undang antarabangsa, contohnya submisi bersama Malaysia dengan Vietnam kepada United Nations Commission on the Limits of the Continental Shelf (CLCS) pada tahun 2009 untuk pelantar benua lanjutan (*extended continental shelf*); menghadiri perbicaraan Permanent Court of Arbitration (PCA) sebagai pemerhati berkenaan kes Filipina terhadap China; submisi unilateral kepada CLCS pada tahun 2019 (Permal, 2016); retorik diplomatik yang meremehkan keberadaan kapal-kapal China di perairan Malaysia; serta inisiatif pembangunan dalam pelbagai bentuk, termasuk menyokong dan meneruskan kerjasama dengan China dalam projek-projek berkaitan Belt-and-Road Initiatives (BRI), walaupun di sebalik perubahan tampuk kepimpinan yang kerap sejak 2018 (Lampton, Ho & Kuik, 2020). Instrumen-instrumen tersebut boleh dilabel sebagai *military hedge*, *legal hedge*, *political-diplomatic hedge* dan '*economic hedge*' oleh negara kecil (Lai & Kuik, 2021).

Pendekatan *hedging* ketenteraan Malaysia mungkin merupakan yang paling bercanggah dan bersifat *counter-intuitive*, bahkan di peringkat serantau. Sepanjang dekad yang lalu, Malaysia telah bergerak untuk memperkukuhkan kerjasama pertahanan yang telah sekian lama terjalin dengan rakan tradisional seperti Amerika Syarikat dan Australia, selain menandatangani memorandum persefahaman (MoU) pertahanan dengan Jepun, di samping mengembangkan kerjasama ketenteraan dan keselamatan dengan China secara serentak. Apa yang ironinya ialah China merupakan cabaran/ancaman keselamatan serta keresahan utama Malaysia berhubung dengan isu LCS (Ngeow, 2015). Logik *hedging* yakni naluri berjaga-jaga (*just-in-case instinct*) memerlukan negara kecil untuk secara serentak meningkatkan kerjasama ketenteraan dengan kedua-dua kuasa yang bersaing/berseteru.

Sesungguhnya, penggunaan instrumen ketenteraan dan bukan-ketenteraan secara bergabung bukanlah sesuatu pendekatan yang baharu. Sejak mengemukakan tuntutan terhadap LCS pada Disember 1979 dengan penerbitan Peta Baru Malaysia, Malaysia telah menggunakan kesemua instrumen tersebut, terutamanya dalam tempoh tahun 1982–1999, yakni ketika pentadbiran sulung Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri. Malaysia menandatangani UNCLOS pada tahun 1982 dan meratifikasinya pada tahun 1996 (instrumen undang-undang). Malaysia kemudiannya menggerakkan sumber ketenteraan untuk menduduki dan menubuhkan pangkalan/SLP TLDM di lima fitur yang disebutkan di atas (instrumen pertahanan);

mempromosikan pelancongan dan aktiviti awam yang berkaitan di Pulau Layang-Layang (pendekatan pembangunan); serta melibatkan China secara dua-hala dan pelbagai-hala sejak awal 1990-an (saluran diplomatik). Inisiatif diplomatik termasuk pengenalan dan pengembangan proses dialog ASEAN-China, khususnya mekanisme perundingan Mesyuarat Pegawai Kanan, iaitu wadah utama di mana kedua-dua pihak mencapai Deklarasi mengenai Tata Kelakuan Pihak di Laut China Selatan (*Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea – DoC*) pada tahun 2002 bagi meneruskan rundingan ke arah merealisasikan Kod Tata Kelakuan (*Code of Conduct – CoC*). Ilustrasi terbaik bagaimana instrumen ketenteraan dan bukan-ketenteraan digunakan secara serentak untuk mencapai matlamat Malaysia di LCS adalah langkah-langkah yang diambilnya pada tahun 1999: sekitar masa yang sama Malaysia mendirikan struktur di Terumbu Peninjau (*Investigator Shoal*) dan Terumbu Siput (*Erica Reef*), Tun Mahathir telah menghantar Menteri Luar Negeri Malaysia ke Beijing. Seorang penganalisis Malaysia yang tidak asing lagi, Abdul Razak Baginda (2002) berpendapat bahawa sama ada Menteri secara kebetulan berada di China pada masa yang sama atau sengaja dihantar ke Beijing untuk menjelaskan perkembangan mutakhir pendirian Malaysia di LCS, ternyata reaksi China cukup sederhana terhadap tindak-tanduk Malaysia di kedua-dua fitur Spratly tersebut

Seperti yang dinyatakan, Malaysia telah memperdalamkan lagi pendekatan *light-hedging* sejak beberapa tahun kebelakangan dengan hasrat serentak untuk memajukan pelbagai kepentingan negara di LCS berikutan realiti perubahan persekitaran dan dinamika geopolitik yang begitu pesat. Menyedari akan kedudukan kuasa relatif Malaysia yang agak terhad berbanding China, kerajaan Malaysia telah menggunakan kombinasi strategi dan instrumen *hedging* berbentuk diplomatik, perundangan dan pertahanan/ketenteraan.

### **Instrumen Diplomasi (*Diplomatic Hedge*)**

Sebagai sebuah negara kecil yang memiliki kuasa relatif (khususnya kuasa ketenteraan) yang terhad, Malaysia telah secara pragmatik mengoptimumkan instrumen diplomatik dan undang-undang sebagai instrumen hakiki untuk memajukan kepentingan nasionalnya di LCS. Penggunaan instrumen-instrumen ini secara bersama telah membolehkan Malaysia memperdalamkan pendekatan *light-hedging*, sambil menjalankan aktiviti penerokaan minyak dan gas di kawasan yang dituntutnya secara senyap (*quiet developmental actions*). Diplomasi dan pematuhan secara terpilih (*selective deference*) dalam dimensi politik-diplomatik adalah penting demi memelihara kedaulatan dan mengekalkan hubungan dua-hala, manakala kaedah perundangan digunakan serentak untuk melindungi kepentingan Malaysia melalui pengingkaran secara senyap dan tidak langsung (*quiet and indirect defiance*).

Diplomasi, melalui saluran dua-hala (*bilateral*) dan pelbagai-hala (*multilateral*), pernah digunakan oleh kerajaan Malaysia untuk menguruskan pertikaian maritim. Secara dua-hala, Malaysia telah mengadakan rundingan dengan Brunei, Indonesia, Thailand, Singapura, dan Vietnam untuk menetapkan sempadan pelantar benua dan maritim mereka. Malaysia turut mencapai persetujuan dengan Brunei pada tahun 2009 untuk menetapkan sempadan yang bertindih. Selain itu, Malaysia telah melaksanakan diplomasi pelbagai-hala sebagai satu cara mempromosikan kepentingan nasionalnya di LCS. Sebagai contoh, Malaysia telah lama menyokong pelaksanaan Kod Tata Kelakuan (CoC) ASEAN-China di LCS. Malaysia juga mempromosikan komitmen ASEAN terhadap 'pendirian bersama

ASEAN' dalam berurusan dengan China mengenai isu LCS, selain memainkan peranan sentral dalam rundingan bagi menrealisasikan resolusi pertikaian tersebut secara perdamaian (*peaceful settlement of dispute*). Malah, Malaysia telah secara proaktif melibatkan negara-negara anggota ASEAN secara persendirian dan terbuka untuk 'mengurangkan perbezaan', sambil berusaha membentuk 'barisan bersatu' (*united front*) dalam menentang tingkah laku asertif yang mencetuskan ketegangan di LCS, di mana China (secara tersirat) menjadi sasaran utama inisiatif sedemikian (Parameswaran, 2015; Lai, 2017; Kuik & Lai, 2025).

Walaupun bagaimanapun, inisiatif diplomatik melalui ASEAN cenderung menghadapi kekurangan dan kekangan di pelbagai peringkat. Salah satunya adalah kemahuan politik yang terhad (*lack political will*) dalam kalangan negara-negara anggota ASEAN untuk berhadapan dengan China. Ini adalah kerana terdapat perbezaan perspektif dan perpecahan antara negara penuntut dan negara bukan-penuntut dalam kalangan anggota ASEAN yang telah diperdalamkan lagi oleh strategi "pecah dan perintah" serta pendekatan *carrot-and-stick* Beijing (Lai, 2017). Selain itu, negara-negara penuntut ASEAN mengambil pendirian 'bukan rakan mahupun musuh' (*neither friends nor foes*) apabila ia berkaitan dengan mempertahankan kepentingan masing-masing di LCS. Di satu pihak, mereka cenderung berkongsi kebimbangan bersama terhadap China kerana persepsi lazim bahawa China adalah pelaku yang paling asertif di LCS, selain hubungan kuasa mereka yang bersifat asimetrik vis-à-vis Beijing, apabila berurusan dengan China sebagai negara individu. Sebaliknya, tuntutan yurisdiksi maritim yang bertindih di LCS kekal sebagai asas ketidakpercayaan dan ketegangan, dalam mana Malaysia, Filipina, Vietnam dan Indonesia masih menghadapi jalan buntu dalam menyelesaikan isu kedaulatan dan hak wilayah sesama sendiri, apatah lagi berdepan dengan China secara kolektif (Ding, 2020).

Walaupun begitu, Malaysia tetap komited kepada diplomasi sebagai kaedah utama dalam menjamin kepentingan nasionalnya di LCS. Selain memanfaatkan wadah multilateralisme berasaskan ASEAN, kerajaan Malaysia turut menggunakan saluran diplomatik dua-hala termasuk "diplomasi senyap" (*quiet diplomacy*) dan bukannya "diplomasi megafon" (*megaphone diplomacy*) untuk berkomunikasi secara persendirian dengan negara-negara penuntut seperti China, setiap kali berlaku insiden yang berpotensi menjejaskan kepentingan Malaysia di LCS (Parameswaran, 2015). Ini termasuk memajukan nota-nota bantahan diplomatik (*diplomatic notes of protest/diplomatic note verbale*) yang tidak dihebahkan, dalam usaha mempertahankan tuntutan Malaysia. Penghantaran nota diplomatik sedemikian penting kerana ia berfungsi sebagai rekod tindakan rasmi Malaysia menegakkan tuntutannya sambil mengawal keterlihatan awam demi mengelakkan penularan insiden seperti pencerobohan dan keberadaan China secara berterusan di perairan ZEE Malaysia berhampiran Beting Patinggi Ali (Lai, 2015; Sukumaran, 2019). Contoh lain termasuklah persetujuan Malaysia dengan cadangan China pada September 2019 bagi menubuhkan mekanisme perundingan dua-hala untuk mempromosikan dialog dan kerjasama mengenai isu LCS (Lo, 2019). Beijing ternyata menghargai dan memberikan komen positif mengenai pendekatan Malaysia yang relatif lebih 'lembut' yakni suatu pengiktirafan terhadap *selective defiance* Malaysia ketika berdepan dengan China dalam hal LCS. Malah, Presiden Xi Jinping pernah memuji "diplomasi senyap" Putrajaya dalam menangani masalah LCS berbanding dengan pendekatan ala konfrontasi Hanoi serta pendekatan timbang tara antarabangsa yang diambil oleh Manila (Bernama, 2014).

Walaupun berlakunya perubahan dalam isu pertikaian LCS selain perubahan dinamika politik domestik, diplomasi senyap masih kekal sebagai pendekatan pilihan Malaysia dalam menguruskan pertikaian LCS. Namun, terdapat pemerhati yang mencatatkan bahawa dasar Malaysia terhadap LCS telah mengalami evolusi, terutamanya dari segi artikulasi dan nada kerajaan Malaysia dalam menegaskan pendiriannya mengenai isu LCS (Noor, 2019). Secara spesifik, kebijaksanaan diplomatik Malaysia pada masa yang lalu dicirikan oleh kritikan media secara berkala terhadap tindak-tanduk China yang berterusan dalam mencabar kedaulatan Malaysia di LCS. Selain mengemukakan nota bantahan diplomatik secara berkala, tindakan luar biasa seperti memanggil Duta Besar China untuk memberi penjelasan sebagai respon rasmi terhadap pencerobohan lebih seratus bot nelayan China berhampiran Beting Patinggi Ali pada tahun 2016, serta pendedahan media mahupun seruan untuk menjenamakan zon maritim LCS milik Malaysia dengan nama tempatan – kesemua ini dilihat sebagai petanda jelas mengenai kemungkinan tindakan *pushback* Malaysia terhadap China di LCS (Noor, 2017; Parameswaran, 2016).

Indikasi-indikasi sedemikian telah menimbulkan spekulasi awalan tentang kemungkinan berlakunya perubahan signifikan dalam dasar luar Malaysia terhadap China berikutan kemunculan kerajaan baharu Pakatan Harapan (PH) pimpinan Mahathir selepas Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 (Mei 2018-Februari 2020). Namun, realitinya adalah nada dan atmosfera hubungan Malaysia-China kembali normal dan bersifat *business-as-usual* setelah desas-desus awalan tersebut, walaupun ianya telah dikalibrasi semula sejajar dengan matlamat kerajaan PH untuk merealisasikan hubungan yang lebih seimbang dengan China. Penyesuaian dasar kerajaan Malaysia terhadap China dizahirkan dalam pendekatan “dwi-landasan” Putrajaya yang memisahkan cabaran LCS Beijing daripada dimensi positif hubungan Malaysia-China. Dalam satu wawancara yang diberikan selepas kemenangan pilihan raya PH pada tahun 2018, Mahathir mengiktiraf potensi ekonomi BRI China, sambil mengkritik intimidasi dan tindakan agresif tentera laut China di LCS (Noor, 2019). Begitu juga, semasa Forum Kerjasama Antarabangsa BRI pada April 2019, penegasan semula Mahathir tentang keperluan untuk memastikan LCS kekal bebas, terbuka dan selamat juga merupakan contoh “jalan tengah” yang diambil Malaysia dalam konteks menangani persaingan strategik China-AS yang semakin menular di perairan tersebut (Noor, 2019).

Sesungguhnya, “diplomasi senyap” Malaysia berakar umbi bukan sahaja dalam asimetri kuasa luaran tetapi juga disebabkan keperluan politik domestik. Tidak boleh dinafikan bahawa negara China menjadi kian penting dari segi ekonomi kepada golongan elit pemerintah Malaysia sejak sedekad dua kebelakangan. Secara tuntas, China muncul sebagai rakan dagang terbesar Malaysia selama 17 tahun berturut-turut, manakala pelancong dan pelaburan China membanjiri pasaran Malaysia dalam dekad terakhir. Tanpa mengambil kira projek mega Malaysia-China berkaitan dengan BRI yang bernilai berbilion dolar, hubungan ekonomi dua-hala Malaysia dan China yang begitu menyeluruh serta pergantungan Malaysia yang semakin mendalam telah menjadikan China rakan ekonomi yang tidak boleh dipinggirkan oleh golongan elit politik Malaysia (Lai, De Silva & Wang, 2023; Kuik & Lai, 2025). Memandangkan betapa signifikannya manfaat ekonomi yang dibawa oleh hubungan Malaysia-China yang akrab, Malaysia telah memilih untuk *downplay* (tidak membesar-besarkan) isu LCS, di samping menangani isu pertikaian wilayah yang terbabit secara berhemah, dalam mana Malaysia melihat isu tersebut sebagai “hanya satu—walaupun penting—

elemen dalam hubungan dua hala dengan China” (Lai, De Silva & Wang, 2023; Kuik & Lai, 2025).

### **Instrumen Perundangan (*Legal Hedge*)**

Malaysia juga secara strategik menggunakan instrumen undang-undang yang terpilih atau *lawfare* (Hsiao, 2016) untuk mengukuhkan tuntutan kedaulatannya. Pada tahun 2009, kerajaan Malaysia dan Vietnam telah memfailkan submisi bersama kepada CLCS untuk melanjutkan had pelantar benua mereka melebihi 200 batu nautika. Tindakan tersebut telah menimbulkan kemarahan China yang bertindak balas memperkenalkan peta *nine-dash-line* secara rasmi sebagai asas tuntutan China di LCS. Peta yang diterbitkan dalam submisi bersama Malaysia-Vietnam menggambarkan apa yang kelihatan sebagai garis median yang telah dipersetujui antara kerajaan kedua-dua negara tersebut (Roach, 2014). Walau bagaimanapun, pada Disember 2019, Malaysia telah membuat submisi kedua secara unilateral kepada CLCS untuk melanjutkan had pelantar benuanya yang ternyata bertindih dengan sebahagian daripada dasar laut yang dituntut oleh Vietnam. Tindakan Malaysia yang merupai manifestasi terbaharu *quiet defiance* ini dilakukan tiga tahun selepas perbicaraan timbang tara undang-undang laut Filipina di PCA yang berjaya membatalkan tuntutan LCS oleh China yang begitu meluas bersandarkan peta kontroversi “*nine-dash-line*” tersebut. Submisi kepada CLCS pada 2019 adalah rentetan keputusan lebih awal Malaysia pada Oktober 2019 untuk menjalankan aktiviti penerokaan minyak dan gas di ZEE dan pelantar benuanya sendiri. Keputusan tersebut mendorong respon intimidasi China yang seakan-akan mirip episod penerokaan minyak luar pesisir Vietnam pada bulan Mac 2019. Submisi CLCS Malaysia pada Disember 2019 mendapat kritikan keras daripada negara penuntut LCS iaitu China, Vietnam dan Filipina. Protes diplomatik rasmi dari Hanoi jelas menonjolkan hakikat bahawa terdapat pertikaian wilayah yang masih belum diselesaikan antara Malaysia dan Vietnam (Permal, 2020). Sementara itu, pendirian Manila yang masih belum melepaskan tuntutannya ke atas Sabah/Borneo Utara turut menyebabkan prospek kerjasama maritim Malaysia-Filipina di perairan berkaitan begitu tipis sekali (Lai, 2015).

Selain isu LCS, Malaysia turut menggunakan kaedah perundangan untuk menangani kebanyakan pertikaian wilayah/maritim yang melibatkan negara jiran, seperti pertikaian pulau Sipadan-Ligitan dengan Indonesia dan perebutan Malaysia-Singapura ke atas Batu Putih/Pedra Branca. Kedua-dua pertikaian ini telah ditimbang tara di bawah Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada tahun 2002 dan 2006 (Lai & Chrisnandi, 2025; Mohamad, 2009). Begitu juga, Malaysia bukan sahaja menerima pakai rejim UNCLOS yang berkaitan termasuk Konvensyen Pelantar Benua (CSC) untuk menetapkan sempadan maritimnya secara unilateral (seperti yang ditakrifkan dalam Peta Baru Malaysia 1979), tetapi turut menggunakan mekanisme undang-undang dalam menetapkan fitur-fitur dasar laut dan ZEE yang bertindih dengan negara-negara jiran ASEAN termasuk yang berada di LCS.

Malaysia juga bersikap pragmatis ketika menggunakan instrumen perundangan dalam percubaan menyelesaikan masalah LCS, terutama sekali yang melibatkan negara penuntut LCS lain. Sebagai contoh, walaupun terdapat seruan dari Manila dan sekutunya di Washington, Putrajaya teragak-agak menyokong secara terbuka usaha Filipina pada tahun 2013 untuk mendapatkan timbang tara Tribunal Antarabangsa mengenai Undang-Undang Laut (ITLOS) yang bertujuan mencabar

kesahihan tuntutan China berdasarkan hak sejarah (Parameswaran, 2015). Pendirian kesamaran strategik (*strategic ambiguity*) Malaysia merupakan manifestasi *delicate balancing* Putrajaya untuk cuba mengekalkan hubungan baik dengan China, dan pada masa yang sama memanfaatkan pendirian bersama/barisan bersatu sesama negara penuntut ASEAN untuk menentang tuntutan Beijing yang berlebihan melalui pentafsiran perundangan dan institusi.

Sebagai negara kecil yang kurang memiliki kuasa ketenteraan dan cenderung dikekang oleh pilihan praktikal yang terhad, kaedah *hedging* perundangan akan kekal sebagai pendekatan paling berkesan bagi Malaysia untuk mempertahankan hak dan kedaulatannya di samping mencari jalan penyelesaian kepada masalah pertikaian wilayah, terutama sekali yang membabitkan negara penuntut dengan kuasa dan keupayaan yang jauh lebih signifikan. Malah, tindakan undang-undang Filipina terhadap tuntutan China di LCS yang berakhir dengan keputusan timbang tara yang memihak kepada Manila pada Julai 2016, merupakan suatu pengesahan yang nyata lagi tepat pada masanya mengenai kepentingan/kesignifikanan berterusan peranan institusi undang-undang antarabangsa (Noor, 2017). Keputusan tribunal The Hague bukan sahaja menjelaskan ketidakabsahan tuntutan China terhadap sumber-sumber di luar ZEEnya di LCS, tetapi turut berfungsi sebagai titik rujukan dan *precedent* undang-undang bagi rundingan masa depan di antara negara penuntut lain dalam merealisasikan potensi pembangunan bersama (*joint development*), selain menjadi panduan kepada proses resolusi pertikaian yang sedia ada. Berdasarkan kenyataan akhbar Putrajaya yang cukup "berhati-hati", boleh disimpulkan bahawa kerajaan Malaysia mengalu-alukan keputusan Tribunal Timbang Tara tersebut. Kenyataan akhbar Kerajaan Malaysia menekankan keperluan menghormati rejim berasaskan peraturan dan proses diplomatik serta undang-undang yang sepatutnya, di samping mengulangi kenyataan ASEAN sebelum ini mengenai keperluan untuk pelaksanaan penuh dan berkesan DoC serta "penyelesaian segera" CoC yang telah lama tertangguh (Noor, 2017).

Submisi CLCS Malaysia pada Disember 2019, yang disediakan oleh pihak berkuasa Malaysia seawal 2017, adalah tindak balas proaktif "pasca-timbang tara" daripada Putrajaya untuk memanfaatkan keputusan signifikan ini bagi kepentingan Malaysia sendiri. Seperti yang diperhatikan oleh pakar maritim Sumathy Permal, submisi terbaharu ini mencerminkan konsistensi Malaysia dalam melaksanakan haknya di bawah UNCLOS, menuntut pelantar benua yang dilanjutkan melebihi 200 batu nautika di bahagian selatan LCS sambil secara tidak langsung membatalkan tuntutan *nine/ten-dash-line* China (Permal, 2020). Submisi tersebut mendorong negara penuntut lain yang berkepentingan, terutamanya Vietnam dan Filipina, untuk menyuarakan kepada Malaysia tentang prospek delimitasi kawasan bertindih mereka mahupun prospek submisi trilateral Malaysia-Vietnam-Filipina mengenai pelanjutan pelantar benua. Selain itu, submisi yang dibuat sebelum penyelesaian perundingan CoC ASEAN-China ini akan membolehkan Malaysia mengelakkan sekatan berpotensi dalam versi akhir deraf CoC tersebut.

Sudah pasti, golongan elit Malaysia tetap realistik mengenai keterbatasan instrumen undang-undang antarabangsa serta keberkesanan peraturan dan norma dalam membendung tingkah laku negara dalam konteks sistem antarabangsa yang bersifat anarki, dalam mana asimetri, persaingan, dan ketidakpastian kuasa terus menentukan dinamika hubungan antara negara. Pendirian ala Realisme sedemikianlah yang menggerakkan Malaysia untuk terus menggunakan perlindungan

undang-undang bersama dengan instrumen diplomatik dan pertahanan. Malaysia telah berulang kali menyeru agar LCS tidak dimiliterisasikan, selaras dengan aspirasi konsep Zon Keamanan, Kebebasan, dan Berkecuali (ZOPFAN) ASEAN dan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama ASEAN (*Treaty of Amity and Cooperation-TAC*). Pada masa yang sama, Malaysia juga telah mengambil langkah *low-key* untuk mempelbagaikan hubungan strategiknya, dengan tujuan meningkatkan keupayaan pertahanannya yang terhad, sambil mengimbangi risiko struktural-sistemik yang berkaitan dengan struktur kuasa yang kurang menentu.

### **Instrumen Pertahanan (*Defence Hedge*)**

Elemen pertahanan/ketenteraan sebagai instrumen dasar luar lazminya dimanifestasikan dalam pelbagai bentuk. Ia tidak hanya wujud dalam bentuk pembangunan dan modenisasi persenjataan dan pembentukan pakatan ketenteraan formal; sebaliknya, ia juga boleh diaplikasikan melalui kerjasama ketenteraan dan keselamatan yang berlapis (*multilayered*) sama ada dengan kedua-dua kuasa besar yang berseteru (China dan Amerika Syarikat) mahupun dengan negara-negara kuasa pertengahan yang lain sebagai strategi tidak mengambil pihak dan diversifikasi yang disarankan dalam pendekatan *hedging*.

Dalam pada itu, keberkesanan tahap penguatkuasaan dan kesiapsiagaan Malaysia di LCS amat berkorelasi dengan imbalan kuasa ketenteraan (*military balance of power*) vis-à-vis negara-negara penuntut yang lain. Sekiranya dibuat perbandingan tersebut, Malaysia ternyata kurang berkemampuan menandingi negara-negara penuntut LCS yang memiliki kuasa/kemampuan ketenteraan dan bajet pertahanan yang lebih signifikan seperti China dan Vietnam. Hakikatnya, kemampuan dan kesiapsiagaan ATM yang sedia ada dari segi aset dan fasiliti ketenteraan/pertahanan di LCS hanyalah setakat memberdayakan Malaysia untuk memperoleh kesan "cegah rintang minima" (*minimum credible deterrence*) bagi menghalang (*deter*) hasrat, potensi dan percubaan negara penuntut yang lebih asertif lagi agresif untuk menceroboh dan menduduki wilayah Malaysia di LCS.

Walaupun demikian, usaha Kerajaan Malaysia dalam memperkasakan ATM secara berperingkat membuktikan kesungguhan politik (*political will*) untuk mempertahankan kedaulatan dan kepentingan negara di LCS. Ini termasuk antara lain, penetapan lantai minima bajet pertahanan tahunan pada 1.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara menjelang 2030 seperti yang disarankan dalam ulasan pertengahan penggal KPP Malaysia bagi merealisasikan perancangan jangka sederhana dan panjang untuk menambah serta memodenkan aset ketenteraan (termasuk program transformasi "15-to-5" bagi pemodenan dan pemerksaan TLDM; perolehan baharu dan/atau penaiktarafan aset Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) dalam program CAP55 seperti pesawat pejuang *multi-role combat aircraft* (MRCA) generasi ke-4.5 atau ke-5; dan program Army for Next Generation-Army4nexG) di bawah Tentera Darat) (Kuik, 2026). Selain itu, penstrukturan dan pengagihan aset/kekuatan ketenteraan untuk pemerksaan pertahanan wilayah Sabah secara spesifik—penambahan briged dan batalion tentera serta sistem radar dan teknologi *intelligence, surveillance* dan *reconnaissance* (ISR) yang dipacu oleh kecerdasan buatan (AI) termasuk pengoperasian *Medium-Altitude, Long-Endurance* (MALE) *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) seperti dron ANKA buatan Turkiye—turut mencerminkan peri pentingnya LCS dalam perancangan strategik dan pertahanan Malaysia (*NST*, 2025; *Asian Military Review*, 2026).

Selain langkah pemerksaan pertahanan/keselamatan nasional yang bersifat *unilateral*, Malaysia turut mengadakan kerjasama ketenteraan/pertahanan/strategik dengan pelbagai negara, termasuklah rakan pertahanan tradisional seperti Amerika Syarikat dan negara anggota Five Power Defence Arrangement (FPDA) serta negara rakan strategik komprehensif baharu seperti Jepun mahupun China (ironinya sebagai ancaman/cabaran keselamatan berpotensi yang paling besar di LCS). Kerjasama dalam bentuk latihan ketenteraan berkala termasuk perolehan/sumbangan aset melalui perkongsian strategik komprehensif (*comprehensive strategic partnership*) berkemampuan menyokong (atau menjadi pelengkap) hala tuju, aspirasi, visi dan misi sektor pertahanan negara.

Malah, di sepanjang dekad yang lalu, paradoks dalam kerjasama pertahanan Malaysia yang paling menonjol adalah dari segi tindakan negara mengukuhkan kerjasama ketenteraan tradisional dengan Amerika dan Australia, sambil secara serentak memulakan pembangunan kerjasama pertahanan dengan China, walaupun di sebalik keresahan terhadap tindak-tanduk Beijing yang kian asertif di LCS sejak 2013, termasuklah pencerobohan kapal-kapal China di perairan Malaysia, termasuk di sekitar Beting Serupai dan Beting Patinggi Ali. Perkembangan tersebut telah memadamkan sikap optimis sebelumnya dalam kalangan elit pemerintah Malaysia bahawa 'hubungan istimewa' Malaysia dengan China mampu mengecualikan Malaysia daripada tindakan asertif China (Lai, 2015). Persepsi terhadap China sebagai ancaman potensi yang semakin menular telah mendorong Malaysia ke arah yang bertentangan. Sambil mempertingkatkan hubungan ketenteraan dengan rakan pertahanan tradisionalnya dari Barat (terutamanya Amerika Syarikat dan Australia), Malaysia juga mempertingkatkan tahap hubungan dua-halanya dengan China kepada status Perkongsian Strategik Komprehensif pada 2013, termasuk memperkukuhkan kerjasama ketenteraan dan keselamatan sehingga kini (Lai, De Silva & Wang, 2023). Sejak 2015, Malaysia dan China telah mula melaksanakan latihan ketenteraan dua-hala secara langsung (*Aman-Youyi*), menzahirkan pemerolehan aset pertahanan [perolehan kapal misi pesisir (*littoral mission ship*-LMS)], memperluas kerjasama dalam isu keselamatan bukan-tradisional dan meningkatkan kerjasama pertahanan ke tahap strategik (Kementerian Pertahanan Malaysia, 2020).

Dengan membangunkan kerjasama yang lebih kukuh dengan China dan meremehkan persepsi "ancaman China" sambil secara serentak menjalin kerjasama ketenteraan yang mantap dengan Amerika Syarikat dan Australia, Malaysia berusaha mengimbangi pelbagai risiko secara serentak: bahaya terjebak dalam potensi konflik AS-China, komitmen AS yang tidak pasti, ketidakpastian niat China, serta risiko-risiko berkaitan dengan kemerosotan kuasa domestik dalam kalangan elit pemerintah (Kuik, 2020). Justeru, Leong (2020) menulis tentang "logik strategik" di sebalik respon LCS Malaysia yang "senyap" semasa episod insiden *West Capella* pada April 2020, dengan hujah bahawa penjajaran terpilih (*selective alignment*) dan kesamaran strategik (*strategic ambiguity*) membolehkan Malaysia sebagai negara kecil meraih manfaat dalam memajukan kepentingan nasional sambil meminimumkan risiko konfrontasi ketenteraan secara langsung.

Postur pertahanan Malaysia yang kelihatan bertentangan iaitu elemen teras dalam pendekatan *light-hedging* adalah hasil daripada tekanan faktor struktural dan domestik. Dari segi struktural, pendekatan *hedging* diperlukan untuk menjamin kelangsungan negara kecil: keperluan bagi negara-negara yang lebih lemah untuk menghadapi asimetri kuasa luar (kedua-dua China dan Amerika Syarikat boleh

memudaratkan dan membantu Malaysia dalam lebih dari satu cara), persaingan (persaingan AS-China), dan ketidakpastian (hubungan dan tindakan kedua-dua kuasa besar yang sukar diramal). Selagi ketidakpastian dan ketidakjelasan struktur kuasa luaran kekal, negara-negara yang lebih lemah mesti melakukan *hedging*.

Dari segi percaturan domestik, bentuk *hedging* yang ringan seperti pendirian bukan-konfrontasi bagi memastikan kerjasama yang mesra lagi produktif dengan "gergasi" (China) yang berdekatan adalah penting untuk pengesahan legitimasi domestik para elit pemerintah Malaysia. Dari BN hingga PH kepada Perikatan Nasional (PN)-Plus, dan kini Kerajaan Perpaduan Madani, golongan elit pemerintah Malaysia melihat hubungan yang stabil dan produktif dengan China sebagai komponen utama dalam mengesahkan prestasi mereka sebagai pemimpin. Ini telah berlaku sejak tahun 1990-an dan semakin meningkat sejak 2009 apabila China menjadi rakan dagang terbesar Malaysia. Aliran masuk modal China yang ketara sejak pelancaran BRI pada 2013 telah meningkatkan lagi kepentingan ekonomi China kepada elit Malaysia. Ini secara tuntas menjelaskan mengapa Pentadbiran Mahathir 2.0 telah sama ada memulihkan, merunding semula atau meneruskan beberapa projek mega BRI yang diselubungi kontroversi, walaupun dipersoalkan manfaat projek-projek tersebut pada mulanya. Natijahnya, hasrat memaksimumkan manfaat komersial bukanlah semata-mata perkara ekonomi atau dasar luar, tetapi satu keperluan politik bagi kerajaan Malaysia yang kuasa domestiknya bersandar kepada kemampuan menjamin pertumbuhan ekonomi yang pesat di samping memperkukuhkan legitimasi kuasa melalui saluran lain (Lai & Kuik, 2021). Perkembangan politik domestik berikutan perubahan tampuk pemerintahan/kerajaan yang kerap pada Mei 2018, Mac 2020, 2021 dan sekali lagi pada November 2022 tidak mengubah postur ini, yakni kesinambungan dasar Malaysia terhadap LCS (Lai, De Silva & Wang, 2023).

## Kesimpulan

Pendekatan dasar dan strategi Malaysia berlandaskan *hedging* di LCS ternyata berakar daripada elemen geopolitik dan dipengaruhi oleh dinamika sistemik mahupun domestik yang mencorakkan percaturan tingkah laku pragmatis Malaysia sebagai sebuah negara kecil dalam menangani kemelut pertikaian wilayah dan persaingan kuasa besar di laut yang "bergelora" tersebut. Apabila berdepan dengan cabaran dan ketidakpastian struktural yang dibawa oleh gabungan asimetri, persaingan dan ketidakpastian kuasa, selain perhitungan keperluan politik domestik, elit pemerintah Malaysia telah secara konsisten melaksanakan *hedging* melalui kombinasi strategik instrumen diplomasi, perundangan, ketenteraan dan ekonomi bagi memaksimumkan kepentingan negara di perairan serantau yang strategik ini.

Sesungguhnya, pendekatan *hedging* dalam menangani LCS bakal diteruskan oleh Malaysia selagi ia berkemampuan mewujudkan kesamaran dan ruang strategik bagi negara mengemudi persekitaran geopolitik LCS dan serantau yang kian bersifat VUCA. Namun begitu, terdapat limitasi yang berpotensi mengekang keberkesanan *hedging* sebagai pendekatan dasar Malaysia secara jangka panjang. Ini termasuk penguncupan ruang strategik bagi negara *hedging* seperti Malaysia untuk meneruskan dasar luar yang bersifat *ambiguous* dalam lanskap geopolitik yang kian terpolarisasi, khususnya dalam konteks persaingan strategik Amerika Syarikat-China yang bercorak *binary* (Lai & Kuik, 2025). Apabila persaingan kuasa besar semakin sengit dan meruncing, negara kecil seperti Malaysia yang mengamalkan *hedging*

akan menjadi semakin terdedah kepada tekanan diplomatik, keselamatan dan ekonomi yang bersifat paksaan. Desakan "memilih pihak" (*choosing sides*) ternyata mencabar logik di sebalik *hedging*, di samping menyebabkan fenomena kesamaran strategik dipersespsi sebagai kelemahan dan keadaan yang tidak boleh diharapkan.

Malah menurut Lai dan Kuik (2025), amalan pendekatan *hedging* secara berterusan dalam tempoh jangka panjang cenderung membawa ketidakselarasan dasar dan peningkatan kos reputasi negara. Ironinya, percanggahan dalaman yang membabitkan *hedging* seperti tindakan pengingkaran dan pematuhan secara serentak selain daripada langkah mempereratkan hubungan ekonomi dan kerjasama keselamatan dengan para adikuasa yang bersengketa, boleh mengelirukan rakan antarabangsa mahupun audien domestik (Lim & Cooper, 2015). Keadaan sedemikian bukan sahaja berpotensi menjejaskan kepercayaan dan keyakinan negara rakan sekutu, tetapi turut merumitkan pengurusan kerjasama strategik yang bersifat komprehensif selain menghakis kredibiliti strategik negara yang mengamalkan *hedging* (Lai & Kuik, 2025).

Akhir kata, kelestarian *hedging* sebagai pendekatan dasar luar amat bergantung kepada keadaan sistemik yang lebih luas dalam persekitaran antarabangsa. Sesungguhnya, keberkesanan *hedging* hanyalah dalam persekitaran di mana kuasa-kuasa besar masih bersedia menerima kesamaran (*ambiguity*), dan institusi multilateral berfungsi sebagai penampan untuk negara-negara kecil. Sekiranya suasana sedemikian tidak lagi mengizinkan, *hedging* boleh membawa kepada paralisis strategik, dalam mana negara-negara kecil akan semakin terdedah kepada cabaran mahupun ancaman sistem antarabangsa yang bersifat *fragmented* dan cenderung berkonflik (Goh, 2016, Lai & Kuik, 2025).

## Rujukan

- Ahmad, Z.H. (2011). A Quasi-Pact of Enduring Value: A Malaysian Perspective of the FPDA. Dalam Storey, I., Emmers, R. & Singh, D. (eds.). *Five Power Defence Arrangements at Forty*. Singapore: ISEAS: 98-104.
- Alagappa, M. (1989). US-ASEAN Security Relations: Challenges and Prospects. *Contemporary Southeast Asia*, 11(1): 1–39.
- Allison, G. (2017). *Destined for War: Can America and China Escape Thucydides's Trap?* New York: Houghton Mifflin Harcourt.
- Asian Military Review*. (2026). DSA 2026: Malaysia flies an Anka UAV for the first time. 7 April. <https://www.asianmilitaryreview.com/2026/04/dsa-2026-malaysia-flies-an-anka-uav-for-the-first-time-foc/>
- Asia News Network*. (2019). Malaysia remains neutral in South China Sea, says Malaysian Armed Forces Chief. <http://asianews.eu/content/malaysia-remains-neutral-south-china-sea-saysmalaysian-armed-forces-chief-91396>.
- Baginda, A.B. (2002). Malaysian Perceptions of China: From Hostility to Cordiality. Dalam Yee, H. & Storey, I. (eds.). *The China Threat: Perceptions, Myths and Reality*. London: Routledge Curzon: 231-252.
- Beckman, R. (2013). The UN Convention on the Law of the Sea and the Maritime Disputes in the South China Sea. *American Journal of International Law*, 107(1): 142–163. doi:10.5305/amerjintelaw.107.1.0142.
- Beckman, R. & Bernard, L. (2015). Maritime Boundary Disputes in the East and South China Seas. Dalam Muhibat, S.F. & Stienon, A. (eds.). *The Future of the Seas*

- in East Asia: Forging a Common Maritime Future for ASEAN and Japan*, Washington, DC: Center for Strategic and International Studies: 27-33.
- Ba, Alice D. (2009). *(Re) Negotiating East and Southeast Asia: Region, Regionalism, and the Association of Southeast Asian Nations*. Stanford, CA: Stanford University Press.
- Campbell, K. (2016). *The Pivot: The Future of American Statecraft in Asia*. New York, NY: Grand Central Publishing.
- Chan, L.H. (2020). Strategic Hedging: A 'Third Way' for Australian Foreign Policy in the Indo-Pacific. *Asia Policy*, 15(3): 87–112. doi:10.1353/asp.2020.0045.
- Christensen, T.J. (2015). *The China Challenge: Shaping the Choices of a Rising Power*. New York, NY: Norton.
- Ding, D. (2020). In Disputed South China Sea, Asean Claimant States are Neither Friends nor Foes. *South China Morning Post*, 18 Mac. <https://www.scmp.com/week-asia/opinion/article/3075605/disputed-south-china-sea-asean-claimant-states-are-neither>.
- Evers, H.-D. (2019). Connecting Oceans: Malaysia as a Maritime Nation. Dalam Evers, H.-D., Embong, A.R. & Ramli, R. (eds.). *Malaysia as a Maritime Nation*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Evers, H.-D., Embong, A.R., & Ramli, R. (eds.) (2019). *Malaysia as a Maritime Nation*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fravel, T. (2017). Threading the Needle: The South China Sea Disputes and US-China Relations. Dalam Ross, R. & Tsunjo, Ø. (eds.). *Strategic Adjustment and the Rise of China: Power and Politics in East Asia*. Ithaca, NY: Cornell University Press. 233–260.
- Goh, E. (2016). Southeast Asian Strategies toward the Great Powers: Still Hedging after All These Years?. *The Asan Forum*. <http://www.theasanforum.org/southeast-asian-strategiestoward-the-great-powers-still-hedging-after-all-these-years/>.
- Hamzah, B.A. (2020). Malaysia Treads Carefully Amid Spratly Tensions. *Asia Sentinel*. <https://www.asiasentinel.com/p/malaysia-treads-carefully-amid-spratly>.
- Hayton, B. (2014). *The South China Sea: The Struggle for Power in Asia*. New Haven, CT: Yale University Press.
- Hong, N. (2012). *UNCLOS and Ocean Dispute Settlement: Law and Politics in The South China Sea*. London: Routledge.
- Hsiao, A.H. (2016). China and the South China Sea 'Lawfare'. *Issues & Studies*, 52(2): 1–42. doi:10.1142/S1013251116500089.
- Hussein, R. (2026). Active neutrality in a dangerous era: Malaysia's test from Hormuz to Strait of Malacca. *The Star*, 28 April <https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/comment/2026/04/28/active-neutrality-in-a-dangerous-era-malaysia039s-test-from-hormuz-to-strait-of-malacca>
- Kementerian Pertahanan Malaysia. (2020). *Defence White Paper: A Secure, Sovereign and Prosperous Malaysia*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Koga, K. (2020). Japan's 'Indo-Pacific' Question: Countering China or Shaping a New Regional Order?, *International Affairs*, 96(1): 49–73. doi:10.1093/ia/iiz241.
- Kuik, C.C. (2008). The Essence of Hedging: Malaysia and Singapore's Response to a Rising China. *Contemporary Southeast Asia*, 30(2): 159–185. <https://www.jstor.org/stable/41220503>.

- Kuik, C.C. (2013). Making Sense of Malaysia's China Policy: Asymmetry, Proximity, and Elite's Domestic Authority. *The Chinese Journal of International Politics*, 6(4): 429–467. doi:10.1093/cjip/pot006.
- Kuik, C.C. (2021). The Twin Chessboards of US-China Rivalry: Impact on the Geostrategic Supply and Demand in Post-Pandemic Asia. *Asian Perspective*, 45(1): 157–176.
- Kuik, C.C. (2024). Explaining Hedging: The Case of Malaysian Equidistance. *Contemporary Southeast Asia: A Journal of International and Strategic Affairs*, 46(1): 43-76. <https://muse.jhu.edu/article/925575>.
- Kuik, C.C. (2026). Malaysia Reassesses Security: The Mid-Term Review of the Malaysian Defence White Paper. *ISEAS Perspective*, 2026/11. 11 Februari <https://www.iseas.edu.sg/articles-commentaries/iseas-perspective/2026-11-malaysia-reassesses-security-the-mid-term-review-of-the-malaysian-defence-white-paper-by-kuik-cheng-chwee/>
- Kuik, C.C & Lai, Y.M. (2025). Deference and Defiance in Malaysia's China Policy: Determinants of a Dualistic Diplomacy. *International Journal of Asian Studies*, 22(5): 5-24 doi.10.1017/S1479591423000104.
- Lai, Y.M. (2015). Malaysia's Security Concerns: A Contemporary Assessment. Dalam Weiss, M.L. (ed.) *The Routledge Handbook of Contemporary Malaysia*. London: Routledge
- Lai, Y.M. (2017). 'Sea of Cooperation' or 'Sea of Conflict'? The South China Sea in the Context of China-ASEAN Maritime Cooperation. *International Journal of China Studies* 8(3): 319–343.
- Lai, Y.M. & Chrisnandi, Y. (2025). Chapter 5: Nationalism and Maritime-Territorial Sovereignty in Indonesia's Relations with Malaysia: A Case Study of the Ambalat/Sulawesi Sea Disputes. Dalam Lai, Y. M., Chrisnandi, Y. & De Silva, M. (eds.). *The Politics of Nationalism, Pride, Prejudice, and Power in Indonesia's Relations with Malaysia*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah (UMS): 161-221.
- Lai, Y.M. & Kuik, C.C. (2021). Structural sources of Malaysia's South China Sea Policy: power uncertainties and small-state hedging. *Australian Journal of International Affairs*, 75(3): 277-304. <https://doi.org/10.1080/10357718.2020.1856329>.
- Lai, Y.M. & Kuik, C.C. (2025). Pendekatan "Hedging" dalam Hubungan Antarabangsa dan Dasar Luar. Dalam Dollah, R. Idris, R.Z., Idris, A. Lai, Y.M. & Abdullah, K. (eds.). *Teori dan Konsep dalam Hubungan Antarabangsa*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah (UMS): 333-376.
- Lai, Y.M., Kuik, C.C. & Abdullah, A.A. (2021). Pulau Layang-Layang in Malaysia's South China Sea Policy: Sovereignty Meets Geopolitical Reality amid China-U.S. Rivalry. *International Journal of China Studies*, 12(2):189-222.
- Lai, Y.M. & Moorthy, R. (2022). Emerging Dynamics in Malaysia-Japan Relations under the Second Mahathir Administration. *Issues and Studies*, 58(2): 1-31 <https://doi.org/10.1142/S1013251122400021>.
- Lai, Y.M., De Silva, M. & Wang, Y. (2023). Crouching Tiger, Ascending Dragon: The Trends and Dynamics of Malaysia-China Relations. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 41(1): 85-108. <https://doi.org/10.21315/km2023.41.1.5>.
- Lampton, D.M., Ho, S. & Kuik, C.C. (eds). (2020). *Rivers of Iron: Railroads and Chinese Power in Southeast Asia*. Oakland, CA: University of California Press.
- Leong, A.K.W. (2017). A Small State's Foreign Affairs Strategy: Making Sense of Malaysia's Strategic Response to the South China Sea Debacle. *Comparative Strategy*, 36(5): 392–399. doi:10.1080/01495933.2017.1379830.

- Leong, A.K.W. (2020). The Strategic Logic of Malaysia's Muted Response to the South China Sea Standoff. *RUSI Newsbrief*, 40(4). <https://rusi.org/publication/rusi-newsbrief/strategic-logic-malaysia%E2%80%99s-muted-response-south-china-sea-standoff>.
- Lim, D.J. & Cooper, Z. (2015). Reassessing Hedging: The Logic of Alignment in East Asia. *Security Studies*, 24(4), 696–727. doi:10.1080/09636412.2015.1103130.
- Mauzy, D.K. & Job, B.L. (2007). U.S. Policy in Southeast Asia: Limited Re-engagement after Years of Benign Neglect. *Asian Survey*, 47(4): 622–641. doi:10.1525/as.2007.47.4.622.
- Medcalf, R. (2014). In Defence of The Indo-Pacific: Australia's New Strategic Map. *Australian Journal of International Affairs*, 68(4): 470–483. doi:10.1080/10357718.2014.911814.
- Milner, A. (2017). 'Sovereignty' and Normative Integration in the South China Sea: Some Malaysian and Malay Perspectives. Dalam Dittmer, L. & Ngeow, C.B. (eds.). *Southeast Asia and China: A Contest in Mutual Socialization*, Singapore: World Scientific Publishing: 229-246.
- Milner, A. (2020). Long-term Themes in Malaysian Foreign Policy: Hierarchy Diplomacy, Non-interference and Moral Balance. *Asian Studies Review*, 44(1): 117–135. doi:10.1080/10357823.2019.1689229.
- Mohamad, K. (2009). *Malaysia's Territorial Disputes: Two Cases at the ICJ*. Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations Malaysia.
- Mueller, L.M. (2020). Challenges to ASEAN Centrality and Hedging in Connectivity Governance—Regional and National Pressure Points. *The Pacific Review*, 33(6): 1–31. doi:10.1080/09512748.2020.1757741.
- New Straits Times. (2025). Mindef strengthening Sabah security through future force planning. 20 Oktober <https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1298521/mindef-strengthening-sabah-security-through-future-force-planning>.
- Ngeow, C.B. (2015). Comprehensive Strategic Partners but Prosaic Military Ties: The Development of Malaysia-China Defence Relations 1991–2015. *Contemporary Southeast Asia*, 37(2): 269–304. doi:10.1355/cs37-2e.
- Noor, E. (2017). Understanding Malaysia's Approach to the South China Sea Dispute. Dalam Hiebert, M., Poling, G.B. & Cronin, C. (eds). *In the Wake of Arbitration: Papers from the Sixth Annual CSIS South China Sea Conference*, 18–29. Washington, DC: Center for Strategic and International Studies (CSIS).
- Noor, E. (2019). *Foreign and Security Policy in the New Malaysia*. Sydney: Lowy Institute.
- Parameswaran, P. (2015). Playing It Safe: Malaysia's Approach to the South China Sea and Its Implications for the United States. *Maritime Strategy Series*. Washington, DC: Center for a New American Security (CNAS).
- Parameswaran, P. (2016). Should Malaysia Rename Its Part of the South China Sea?. *The Diplomat*. <https://thediplomat.com/2018/03/should-malaysia-rename-its-part-of-the-southchina-sea/>.
- Permal, S. (2016). Malaysia's Diplomatic and Security Responses. Dalam Liu, F.-K. & Spangler, J. (eds.). *South China Sea Lawfare: Legal Perspectives and International Responses to the Philippines v. China Arbitration Case*, Taipei: South China Sea Think Tank: 111-118.

- Permal, S. (2020). Advancing Malaysia's Maritime Aspirations in a Complex Environment. *CSIS Asia Maritime Transparency Initiative*. <https://amti.csis.org/advancingmalaysias-maritime-aspirations-in-a-complex-environment/>.
- Rahman, F.A., Abdul Jalil, M.N. & Yayanto, N.M. (2018). *Guardian of the Frontier: Gugusan Semarang Peninjau*. Kuala Lumpur: Royal Malaysian Navy Sea Power Centre.
- Roach, J.A. (2014). *Malaysia and Brunei: An Analysis of their Claims in the South China Sea*. Virginia, VA: CNA Corporation. [https://www.cna.org/cna\\_files/pdf/IOP-2014-U-008434.pdf](https://www.cna.org/cna_files/pdf/IOP-2014-U-008434.pdf).
- Sebastian, M.A. (2020). Balancing priorities, weighing options at land, sea. *New Straits Times*, 15 Mei. <https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2020/05/592662/balancing-priorities-weighing-options-land-sea>.
- South China Morning Post (SCMP)*. (2020). Why are tensions running high in the South China Sea dispute?, 16 Februari. <https://www.scmp.com/week-asia/article/2186449/explained-south-china-sea-dispute>
- US Energy Information Agency (EIA). (2024). *Regional Analysis Brief: South China Sea*. 21 Mac. [https://www.eia.gov/international/analysis/regions-of-interest/South China Sea](https://www.eia.gov/international/analysis/regions-of-interest/South%20China%20Sea).
- Womack, B. (2016). *Asymmetry and International Relationships*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Yasin, M.T., Rahman, A.A. & Ahmad, J.R. (2020). Malaysia's Occupation of Spratly Features: A Special Operation by PASKAL." Dalam Hamzah, B.A., Leong, A. & Forbes, V.L. (eds.) *Malaysia and South China Sea: Policy, Strategy and Risks*. Kuala Lumpur: Centre for Defence and International Security Studies (CDiSS), National Defence University of Malaysia: 12-33.